



Dapatkan e-paper MHI di sini

>> Honda Malaysia mencipta sejarah apabila merekodkan satu juta pengeluaran kenderaan pemasangan tempatan di kilangnya di Pegoh, Taboh Naning

Sejuta 'lahir' di Melaka



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali bersama kenamaan meraikan kejayaan Honda Malaysia mengeluarkan satu juta unit kenderaan di kilang pemasangannya di Pegoh, Taboh Naning. Foto: Iqmal Haqim Rosman

PPR
Klebang
siap tahun
depan

19



'Ulat tiket'
bazar
Ramadan
sedang
diperhati

26



Siapa buang
ikan tamban?

28





SULAIMAN melawat kilang pemasangan Honda Malaysia di Pegoh.

Honda berkembang pesat di Melaka - KM

Farah Suhaidah Othman

TABOH NANING - Kejayaan Honda Malaysia Sdn Bhd mengeluarkan satu juta unit kenderaan di kilang pengeluarannya di Pegoh dianggap satu pencapaian yang membanggakan ketika dunia berdepan krisis kewangan susulan pandemik COVID-19.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, kejayaan itu juga adalah bukti kerja keras, amalan pengurusan strategik dan berkesan di kilang Honda Malaysia.

"Saya yakin kejayaan ini bukan 'one man show'. Saya menghargai usaha Honda Malaysia yang berterusan mengutamakan pembang-

unan sumber manusia dan menyediakan persekitaran ruang kerja kondusif kepada pekerja di sini.

"Selain itu saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Honda Malaysia yang berterusan menyokong komuniti tempatan menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan pelbagai lagi

inisiatif dijalankan sepanjang tahun," katanya.

Beliau berkata, demikian ketika berucap pada Majlis Pencapaian Satu Juta Pengeluaran Kenderaan Honda Malaysia di kilang pemasangan syarikat itu di Kawasan Perindustrian Hicom, Pegoh, 30 Mac lalu.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk

Zaidi Johari, EXCO Kanan Pelaburan Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Honda Malaysia Sdn Bhd, Madoka Chujo serta kenamaan lain.

Menurutnya, difahamkan setiap tahun Honda Malaysia memperuntukan jumlah yang besar untuk menjayakan program CSR

yang memberikan impak positif kepada komuniti setempat khusus dalam keadaan sukar ketika ini.

"Sekali lagi tahniah kepada Honda Malaysia atas kejayaan mengeluarkan satu juta unit kenderaan. Menjadi kebanggaan saya melihat Honda Malaysia terus berkembang bagi tahun mendatang," katanya.

Honda sedia kembangkan pelaburan di Melaka - Ab Rauf

TABOH NANING - Syarikat pelaburan automotif terbesar Melaka, Honda Malaysia Sdn Bhd mampu meningkatkan lagi kadar pemasangan kenderaan bagi memenuhi permintaan pasaran semasa.

EXCO Kanan Pelabu-

ran negeri, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, perkara itu mampu dicapai sekiranya Honda Malaysia menggunakan teknologi kenderaan elektrik (EV) dalam rangkaian model keluaran mereka.

"Jika dilihat kepada

pasaran domestik, Honda telah mencapai sasarannya.

"Sekiranya pasaran nampak lebih baik, Honda akan membesarkan kilang bagi memenuhi permintaan tempatan, mereka juga bersedia pada masa terde-

kat sekiranya keperluan menjadikan negara rendah karbon iaitu menggunakan teknologi EV.

"Teknologi itu mampu menjadikan Honda sebagai salah satu syarikat memasang EV pada masa hadapan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Pencapaian Satu Juta Pengeluaran Kenderaan Honda Malaysia di kilang pemasangan syarikat itu di Kawasan Perindustrian Hicom, Pegoh, 30 Mac lalu.

Terdahulu, majlis ber-

kenaan disempurnakan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Wira Ibrahim Durum; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Zaidi Johari dan Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Honda Malaysia Sdn Bhd, Madoka Chujo.

Mengulas lanjut, Ab Rauf berkata Honda Malaysia adalah pelabur utama dalam industri automotif

negeri ini, ia juga antara 10 syarikat pelabur terbesar sektor perindustrian di Melaka.

Tambahnya, pada perbincangan awal Honda juga bersedia untuk mengembangkan rangkaian model baharu untuk dipasang di negaranya ini.

"Kerana inilah satu-satunya kilang pemasangan kereta Honda di Malaysia yang diberikan keutamaan untuk memasang semua model baru dan akan dipasarkan untuk pasaran tempatan," katanya.



AB Rauf melihat ruangan dalaman Honda Civic ke sejuta yang dipasang Honda Malaysia di kilangnya di Pegoh. Foto Mohd Azren Jamaludin

WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang lelaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.
4 April - 10 April 2022 (02 Ramadan - 08 Ramadan 1443H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
04 April 2022	6.02am	7.10am	1.17pm	4.22pm	7.20pm	8.29pm
05 April 2022	6.02am	7.10am	1.16pm	4.23pm	7.20pm	8.29pm
06 April 2022	6.01am	7.10am	1.16pm	4.23pm	7.20pm	8.29pm
07 April 2022	6.01am	7.09am	1.16pm	4.23pm	7.19pm	8.29pm
08 April 2022	6.01am	7.09am	1.16pm	4.24pm	7.19pm	8.28pm
09 April 2022	6.00am	7.09am	1.15pm	4.24pm	7.19pm	8.28pm
10 April 2022	6.00am	7.08am	1.15pm	4.24pm	7.19pm	8.28pm



SETINGGI-TINGGI
Tahniah

DIUCAPKAN KEPADA

**TYT TUN SERI SETIA (DR.)
HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM**

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., D.U.P.N., S.P.D.K., S.U.M.W., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M

**YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA
ATAS
PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT
DOKTOR EKONOMI PEMBANGUNAN
DARI
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

IKHLAS DARIPADA

**YAB DATUK SERI UTAMA
HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
DAN
YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, YB EXCO,
YB AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI,
DAN SELURUH ANGGOTA PENTADBIRAN
KERAJAAN NEGERI MELAKA**



MELAKAKU MAJU JAYA,
RAKYAT BAHAGIA,
MENGAMIT DUNIA





KETUA Pegawai Eksekutif Honda Malaysia Sdn Bhd, Madoka Chujo.
Foto Iqmal Haqim Rosman

Sejarah terlakar di Melaka

Farah Suhaidah Othman

TABOH NANING - Honda Malaysia mencipta sejarah dalam industri automatif negara selepas merekodkan satu juta pengeluaran kenderaan pemasangan tempatan di kilang-nya di Pegoh, di sini.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Honda Malaysia Sdn Bhd, Madoka Chujo berkata, sejak bertapak di Malaysia 20 tahun lalu, jenama kenderaan itu sentiasa mencapai pertumbuhan memberangsangkan.

Katanya, syarikat itu berjaya mencapai jualan ke-sejuta jualan bagi pasaran Malaysia pada Mac tahun lalu sebelum meraikan pencapaian bagi pengeluaran ke-sejuta unit model kenderaan pemasangan tempatan.

"Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi

penghargaan kepada rakan syarikat Honda dan syarikat pembekal kerana usaha, kerja keras bagi memastikan produksi serta operasi rantaian bekalan berjalan dengan lancar, biarpun berdepan cabaran termasuk pandemik COVID-19.

"Kami juga mahu mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia atas sokongan padu selain merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Melaka atas sokongan berterusan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pencapaian Satu Juta Pengeluaran Kenderaan Honda Malaysia di kilang pemasangan syarikat itu di Kawasan Perindustrian Hicom, Pegoh, 30 Mac lalu.

Madoka berkata sokongan semua

pihak itu sekali gus menjadikan Honda kekal pada kedudukan nombor satu dalam segmen Kenderaan Penumpang Bukan Nasional selama lapan tahun berturut-turut sejak 2014.

Untuk rekod, kilang pemasangan Honda yang dibina di atas tanah berkeluasan 46,534 kaki persegi memulakan operasi pada Jan 2003 dengan pengeluaran model pertamanya adalah CR-V generasi kedua.

Sepuluh tahun kemudian, Honda Malaysia meluaskan kemudahan kilang baharu kedua di lokasi sama dengan jumlah pengeluaran mencecah 100,000 unit setahun.

Kilang tersebut kini memasang tujuh model berbeza membabitkan Honda City, City Hatchback, Civic, Accord, BR-V, HR-V dan CR-V.



KILANG pemasangan Honda Malaysia di Kawasan Perindustrian HICOM Pegoh.

Honda sedia perkenal teknologi baharu

TABOH NANING - Syarikat automotif terkemuka dunia, Honda Malaysia tekad menambah baik rangkaian produk dengan memperkenalkan teknologi baharu selain menawarkan pelanggan keseronokan memilih jenama itu.

Pengarah Timbalan Presiden Eksekutif yang juga wakil Pegawai Eksekutif Honda Motor Co Ltd, Seiji Kuraishi berkata, hasil sokongan padu semua pihak berkepentingan termasuk kerajaan Malaysia dan negeri Melaka, Honda menghasilkan lebih 124 juta unit kenderaan di peringkat global.

"Sebagai syarikat mobiliti, kami terus berusaha mendepani cabaran terutama dalam aspek persekitaran dan keselamatan.

"Kami juga meletakkan hala tuju Global 2050 ke arah mencapai masyarakat bebas karbon dan bebas kemalangan," katanya ketika berucap pada rakaman video dalam Majlis Pencapaian Satu Juta Pengeluaran Kenderaan Honda Malaysia di kilang pemasangan syarikat itu di Kawasan Perindustrian Hicom, Pegoh, 30 Mac lalu.

Beliau berkata, matlamat itu mendorong syarikat Honda untuk mencapai sifar bagi kesan persekitaran dan kemalangan selain membantu masyarakat meluaskan potensi mereka dalam kehidupan seharian.

Justeru katanya, bagi memas-

takan perkara itu Honda akan terus menawarkan produk dengan teknologi teraju generasi seterusnya yang boleh menawarkan pelanggan kami keseronokan memilih kereta Honda (Joy of Owning).

Mantan Ketua Pegawai Eksekutif kedua Honda Malaysia itu berkata, dalam tempoh perkhidmatannya di negara ini antara 2002 hingga 2005, beliau berpeluang menyaksikan sendiri sejarah pembukaan kilang pemasangan di Pegoh.

"Sewaktu awal pembukaan kilang, kami bekerjasama dengan Kerajaan Malaysia yang memberikan sokongan padu untuk kilang kami. Saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan Malaysia atas sokongan berterusan selama ini.

"Masih segar di ingatan saya ketika pengeluaran model pertama dari kilang ini, CR-V generasi kedua," katanya.

Pada tahun 2017, Honda Malaysia meraikan pengeluaran ke-600,000 unit di Malaysia dan kejayaan itu dicapai dalam tempoh 15 tahun selepas pembukaan rasmi kilang di Melaka.

"Hari ini selepas lima tahun kemudian kami mencatat satu lagi sejarah dengan pencapaian pengeluaran 1 juta unit kenderaan, ia merupakan kejayaan yang membanggakan dalam tempoh yang singkat!," katanya.



HONDA INFOGRAFIK

- ✂ Kilang Honda Malaysia di Pegoh bermula dengan keluasan 46,543 meter persegi dengan pengeluaran sebanyak 50,000 unit setahun pada 2003 dan pada 2013.
- ✂ CR-V generasi kedua menjadi model pertama dipasang di kilang Honda Pegoh.
- ✂ Kini sebanyak tujuh model dipasang di Pegoh iaitu Honda City, City Hatchback Serba Baharu, Civic Serba Baharu, Accord, BR-V, HR-V dan CR-V.
- ✂ Barisan kedua dibuka di kilang berkenaan untuk pemasangan Honda Jazz Hibrid dengan keluasan bertambah kepada 49,190.50 meter persegi untuk kapasiti pengeluaran 100,000 unit setahun.
- ✂ 2,900 jumlah keseluruhan kakitangan Honda Malaysia, 2,312 kakitangan di kilang pemasangan di Pegoh.
- ✂ Sebanyak 327 unit kenderaan dipasang sehari dengan Honda City menjadi model paling tinggi.
- ✂ Pada tahun 2017, pemandu Malaysia meraikan 600,000 unit di Malaysia.
- ✂ Honda telah menghasilkan lebih daripada 124 juta unit kenderaan di peringkat global.
- ✂ Dilengkapi peralatan dan teknologi termaju seperti Lazer Brazing, Kimpalan Kerangka Dalam dan Teknologi Semburan Buih.
- ✂ Model Honda disertakan dengan teknologi seperti e:HEV, pengeras turbo VTEC, Honda Sensing dan Honda Connect.
















INFOGRAFIK : MELAKA HARI INI SUMBER : HONDA MALAYSIA

RAMALAN KAJI CUACA DI MELAKA (APRIL) 2022

Isnin 04/04/2022	Selasa 05/04/2022	Rabu 06/04/2022	Khamis 07/04/2022
 Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 23° Maks: 33°	 Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 23° Maks: 33°	 Pagi: Hujan di satu dua tempat di kawasan pantai Petang: Ribut petir di satu dua tempat di kawasan pedalaman Malam: Tiada hujan Min: 23°/Maks: 33°	 Pagi: Hujan di satu dua tempat di kawasan pantai Petang: Ribut petir di satu dua tempat di kawasan pedalaman Malam: Tiada hujan Min: 23°/Maks: 33°

 www.melakazarini.my
  Melaka Hari Ini
  Melaka TV
  Sumber : Jabatan Meteorologi Melaka (MetMalaysia)
  Infografik : Melaka Hari Ini



EXPO
2020
DUBAI
UAE



Setinggi-tinggi
Penghargaan



Kepada

YAB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Bin Md Ali
Ketua Menteri Melaka

&

YB Datuk Seri Ab Rauf Bin Yusoh
Exco Kanan Pelaburan, Perindustrian, Pembangunan Usahawan Dan Koperasi

Sempena

Menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman
Di Antara Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) Dan Nusa Baiduri Consortium
Untuk Mengkaji Kebolehlaksanaan Ladang Solar Terapung Dengan Nilai 600 Juta
Di Malaysia Pavilion Expo 2020 Dubai

Setulus Ikhlas Daripada



SHIZEN
INTERNATIONAL

Tun Mohd Ali dianugerah Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi Pembangunan

ARAU - Universiti Sains Malaysia (USM) pada 29 Mac lalu menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi Pembangunan (Hon. D. Dev. Econs) kepada Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia Dr Mohd Ali Mohd Rustam bagi menghargai sumbangan beliau yang cemerlang dalam bidang ekonomi.

Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail yang juga Canselor USM berkenan menyampaikan ijazah kehormat itu kepada Mohd Ali sempena sidang pertama Upacara Konvokesyen Ke-59 USM yang berlangsung di Istana Arau di sini.

Turut berangkat Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail. Hadir sama Menteri Besar Perlis Datuk Seri Azlan Man.

Sidang pertamaitu adalah untuk meraikan penerima ijazah kehormat itu sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan universiti terhadap sumbangan Tun Mohd Ali yang cemerlang dalam bidang ekonomi yang telah mendapat pelbagai pengiktirafan pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Tun Mohd Ali yang juga Alumni Terbilang USM itu terkenal dengan ketokohnya dan banyak menyumbang dalam aspek kemajuan ilmu, perkembangan dan penyebaran pengetahuan serta kepakaran.

Raja Perlis dalam titahnya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang di-Pertua Negeri Melaka itu atas penganugerahan ijazah kehormat berkenaan dan baginda percaya yang anugerah itu tepat sekali dengan sumbangan

besar Tun Mohd Ali terhadap USM, negeri Melaka dan negara umumnya.

"Tuan Yang Terutama Tun telah menunjukkan kecemerlangan beliau sebagai alumni berilmu yang mentransformasikan komuniti sehingga mencapai tahap yang tinggi.

"Saya percaya terdapat ramai lagi alumni USM yang berjasa besar dan boleh menjadi contoh teladan seperti Tuan Yang Terutama Tun. Cabaran utama universiti ialah untuk mendekati mereka ini dan pada masa yang sama melahirkan lebih ramai alumni hebat seperti ini," titah baginda.

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah alumni universiti perlu dibawa kembali membantu universiti dalam banyak perkara antaranya bersama-sama memajukan universiti dan menjadi 'role model' kepada mahasiswa sedia ada.

Dalam pada itu, Tuanku Syed Sirajuddin bertitah universiti perlu mendidik serta membentuk siswazahnya untuk sayangkan universiti dalam menghadapi pelbagai perubahan dan cabaran besar dunia digital sekarang.

"Ini adalah satu sumber utamabakat yang perlu dimanfaatkan dengan sebaik mungkin... saya doakan agar USM terus cemerlang dan terbilang dalam melahirkan siswazah yang berilmu, berakal budi yang tinggi dan berintegriti dalam memimpin masyarakat dan negara.

"Alumni USM perlu menjadi contoh untuk diikuti dan mampu melakukan perubahan dalam masyarakat di mana sahaja berada," titah baginda. - BERNAMA



RAJA Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail yang juga Canselor USM berkenan menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi Pembangunan (Hon. D. Dev. Econs) kepada Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia Dr Mohd Ali Mohd Rustam. Foto Istana Melaka



SULAIMAN bersama Zaidi melihat skrin memaparkan data disediakan di Melaka Digital Command Centre. Foto: Mohd Azren Jamaludin

MD2C: Melaka sedia ke arah digital

Liana Sahabudin

SERI NEGERI - Kerajaan negeri membangunkan Melaka Digital Command Centre (MD2C) sebagai pusat sehenti untuk memantau dan mengumpul pelbagai data berguna bagi negeri Melaka.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, MD2C yang siap pada Nov 2021 berperanan membantu kerajaan negeri dalam membuat keputusan strategik membabitkan pelbagai aspek.

"Ini termasuk data pelancongan, aduan, pembangunan projek, bantuan awam, serangan siber, kesihatan awam, paras empangan, sungai dan banyak lagi.

"MD2C membantu kerajaan membuat keputusan strategik dalam pelbagai aspek digitalisasi, dengan pengumpulan, menganalisa data dan maklumat digital ter-

kini daripada pelbagai jabatan serta agensi kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan MD2C di Blok Bentara Seri Negeri, di sini, 29 Mac lalu.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari; Pegawai Kewangan Negeri Datuk Salhah Salleh dan lain-lain kenamaan.

Ujarnya, Pembangunan MD2C seiring dengan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya (PSMJ 2035) di bawah *Flagship 4: Digital Melaka - Pembangunan Aplikasi Pintar dan Pemerkasaaan Data* dan selaras dengan visi Memacu Pendigitalan Lestari.

"Namun MD2C diselarasakan semula mengikut portfolio terkini EXCO di bawah *Flagship 7: Pendidikan dan Teknologi*.

"MD2C dilengkapi dengan infrastruktur fizikal seperti skrin

video, kelengkapan rangkaian internet, kelengkapan diri-ciri keselamatan dan perkakasan serta perisian yang terlibat," katanya.

Katanya lagi, kandungan digital di MD2C bagi Fasa I bermula Dis 2021 membabitkan enam 'dashboard' baharu dibangunkan melibatkan lapan jabatan atau agensi kerajaan.

"Manakala sebanyak lima sistem sedia ada melibatkan enam jabatan atau agensi kerajaan yang diselaras dan dipusatkan di MD2C.

"Bagi Fasa 2, kerajaan negeri akan membangunkan tiga 'dashboard' baharu dan tiga penambahbaikan dashboard sedia ada melibatkan pelancongan, meteorologi dan aduan.

"Pembangunan dan penambahbaikan ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri memperkasakan inisiatif Data Raya dan Data Analitik di MD2C," katanya.

Melaka umum tiga kadar zakat fitrah

Siti Salehah

AYER KEROH - Kerajaan negeri mengumumkan tiga kadar zakat fitrah iaitu RM7, RM14 dan RM21 bagi Melaka pada tahun ini.

Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, kutipan zakat pada tahun ini juga dijangka meningkat kepada RM5,150,000 atau 2.07 peratus berbanding RM5,045,782 sebelum ini.

"Malah pembayar zakat juga meningkat sebanyak 0.07 peratus menjadikan jumlahnya seramai 662,144 orang pada tahun

ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media yang turut dihadiri Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari dan Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) Datuk Che Sukri Che Mat, di Seri Negeri, 28 Mac lalu.

Menurutnya, sebanyak enam saluran pembayaran zakat disediakan bagi memudahkan orang ramai.

"Pembayaran boleh dibuat secara dalam talian menerusi laman web Zakat Melaka iaitu www.izakat.com, imbasan kod

QRPay DuitNow dan Perbankan Internet Maybank.

"Selain cara konvensional melalui Amil, Pegawai Syarak yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), orang ramai juga boleh membayar menerusi Portal MelakaPay yang dikenali sebagai Portal E-Bayar Kerajaan Negeri Melaka serta Aplikasi MobilApps MelakaPay," katanya.

Dalam perkembangan lain Sulaiman berkata, solat berjemaah tanpa penjarakan fizikal dibenarkan di negeri ini namun sebarang sentuhan fizikal tidak dibenarkan bagi

membendung penularan COVID-19.

"Jawatankuasa masjid dan surau juga boleh serta dibenarkan menggunakan sejadah bersaiz standard untuk penandaan kedudukan antara jemaah solat.

"Selain itu, aktiviti bukan solat berjemaah seperti ceramah dan sebagainya, SOP umum bagi penjarakan fizikal adalah perlu dipatuhi," katanya.

Selain itu orang ramai digalakkan supaya membawa sendiri sejadah dari rumah masing-masing untuk berjemaah di masjid atau surau.

SETTINGGI-TINGGI
Tahniah

— DIUCAPKAN KEPADA —

**TYT TUN SERI SETIA (DR.)
HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM**
S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., D.U.P.N., S.P.D.K., S.U.M.W., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M

YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA

ATAS
PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT
DOKTOR EKONOMI PEMBANGUNAN
DARI
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



Setulus Nkhlas Daripada



YAYASAN MELAKA

**Pengurus Besar, Pengurusan
& Warga Kerja
Yayasan Melaka**



N02 - TANJUNG BIDARA

DUN Tanjung Bidara cakna kesihatan rakyat

Salman Hamat

TANJUNG BIDARA – Kesihatan dan keselesaan penduduk mengalami keuzuran antara perkara diberikan perhatian oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bidara Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

Setiausaha JAPERUN Tanjung Bidara Ahmad Warid Ismail berkata, pihaknya mewakili Ab Rauf menyampaikan sumbangan kepada dua penerima di DUN berkenaan pada 25 Mac lalu.

"Sumbangan kerusi roda diserahkan kepada Kamaruddin Landot dari Kampung Padang Kemunting yang diserang angin ahmar.

"Kami juga menziarahi Halimatun Saadiah Minhat di Jalan Penghulu Manas, Londang yang baru menjalani pembedahan perut," katanya.

Beliau berkata, sumbangan disampaikan diharap memberikan keselesaan kepada penerima, selain turun padang untuk bertanyakan keadaan terkini pesakit berkenaan.

FOKUS DUN



PENYERAHAN sumbangan kerusi roda kepada Kamaruddin Landot.

N01 - KUALA LINGGI

Meriahkan semula Kompleks Ikan Bakar Terapung

KUALA LINGGI – Kompleks Ikan Bakar Terapung Kuala Sungai Baru, akan dibangunkan semula selepas sekian lama sepi tanpa aktiviti perniagaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Linggi, Rosli Abdullah berkata, lawatan juga sudah dibuat untuk melihat sendiri keadaan terkini kompleks itu.

"Insyallah kita akan bangunkan semula kawasan ini, kembalikan seperti masa lalu yang penuh dengan pelancong dan masyarakat sekitar datang untuk makan serta beriadah.

"Pada kunjung hormat kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) sebelum ini saya juga ada menyatakan hasrat dan komitmen kita, saya tidak mahu tempat ini terbiar, fasiliti makin teruk jadinya," katanya menerusi hantaran di Facebooknya 28 Mac lalu.

Ketika lawatan itu Rosli ditemani Pegawai Perhubungan MPAG Muhammad Padeli Baba, turut meninjau kemudahan di kompleks berkenaan seperti ruang makan, tandas dan pondok untuk pengunjung berehat.



ROSLI ketika meninjau kerja-kerja tambakan batu berhampiran Kompleks Ikan Bakar Terapung Kuala Sungai Baru.

N03 - AYER LIMAU

Nelayan kena tambah ilmu

Faiz Hasan

AYER LIMAU - Pejabat JAPERUN Ayer Limau menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Perikanan dan Kolej Komuniti dalam mengenal pasti kursus berkaitan yang sesuai untuk dihadiri komuniti nelayan di kawasan itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Limau, Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer berkata, Kursus Demonstrasi Penyelenggaraan Enjin Sangkut

Bersama Nelayan Darat diadakan sebelum ini memberi banyak manfaat kepada golongan itu,

Beliau berkata, pihaknya akan terus merancang pengajuran kursus yang di biayai JAPERUN dalam usaha meningkatkan lagi kemahiran dan pengetahuan nelayan berhubung pekerjaan mereka lakukan.

"Kita lihat keberhasilan daripada kursus ini dan akan merancang mengadakan kursus lain seperti pendeda-

han kepada pembuatan bot gantikan kaca selepas menerusi kepakaran daripada kolej komuniti.

"Sekurang-kurangnya memberi pendedahan nelayan kepada nelayan mengenai cara membaiki bot ketika dalam kecemasan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Pelancongan Sukarelawan Perikanan Darat diadakan di Pengkalan Nelayan Ramuan China Kechil, 29 Mac lalu.



HAMEED diberikan penerangan mengenai penyelenggaraan enjin sangkut popular dalam kalangan nelayan tempatan.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315 FAX : 06 - 251 9316

KETUA KANDUNGAN
MOHD SALMAN HAMAT
Salmanhamat@melakaharini.myPENGARANG
MOHD FAZRUL ABDUL MAJID
fazrul@melakaharini.myPENGARANG DIGITAL
FARAH SUHAIDAH OTHMAN
farahothman@melakaharini.myJURUFOTO KANAN
AZREN JAMALUDIN
m.azren86@gmail.comJURUFOTO
IQMAL HAQIM ROSMAN
iqmalhaqimrosman@gmail.com

WARTAWAN

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharini.myLIANA SAHABUDIN
lilyann90@melakaharini.myFIQA JAMAL
norafiqhajamal93@gmail.comSITI SALEHAH AL-QADRAWI
sitisalehah@melakaharini.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharini.myMIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura1981@melakaharini.my

IT SUPPORT

PEGAWAI TEKNOLOGI
MAKLUMAT
ABDUL JALIL JAMAR
abduljaliljamar@gmail.com

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharini.my
018 - 329 9936MARKETING
& ADVERTISING EXECUTIVE
SARAH AIDA ABD HADI
sarahaida@melakaharini.my

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izaidah363@gmail.comSHARIFAH NORKHALIDAH
SYED KHAIDZIR
khalidah@melakaharini.my

MELAKA TV

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAIKAL
farishaikal.zakaria@melakaharini.myJURUVIDEO
MOHD ZAIDI YAACOB
drzack35@gmail.com
PUTRA DANIAL RIZADI
putradanial182@gmail.comJURUVIDEO
& PENYUNTING VIDEO
AUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufalzzati98@melakaharini.myPENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharini.my
HASBULLAH BIN AZHAR
bumeskosbar@gmail.com

N04 - LENDU

JAPERUN Lendu santuni 'uncle' Kanan

Salman Hamat



LENDU - Kesukaran K Kanan yang diserang angin ahmar mendapat perhatian Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali yang tampil menghulurkan sumbangan kepada warga emas itu.

Pegawai Perhubungan Kebajikan dan Operasi Ketua Menteri, Mohd Jamian Maharam berkata, pihak JAPERUN mewakili Sulaiman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lendu, menziarahi lelaki berusia 74 tahun itu di rumah anaknya di Taman Lendu Bakti untuk mengetahui keadaannya yang terkini.

"Akibat diserang angin ahmar lapan bulan lalu Kanan tidak boleh bergerak aktif, segala keperluan harian diuruskan oleh ahli keluarganya yang lain.

"Pada lawatan sama kami turut menyampaikan sumbangan kit makanan dan membantu beliau mengisi borang untuk mendapatkan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta bantuan lampin bulanan," katanya selepas melawat warga emas itu 29 Mac lalu.

Mohd Jamian berkata, pihaknya akan memantau keadaan semasa warga emas terbabit dan membantu mendapatkan bantuan mengikut keperluan.



MOHD Jamian ketika menziarahi Kanan dan menyampaikan sumbangan kit makanan kepada warga emas itu.

N06 - REMBIA

Lebih 100 anak Rembia ceria ke sekolah

Mohamad Fazrul Abdul Majid

REMBIA - Lebih 100 anak-anak di Dewan Undangan Negeri (DUN) Rembia ceria kembali ke sekolah selepas menerima sumbangan persekolahan sesi 2022, 24 Mac lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rembia Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, sumbangan yang diberikan berupa wang tunai RM50, beg sekolah,

peralatan menulis dan kit makanan asas.

Katanya, sumbangan tersebut merupakan inisiatif JAPERUN Rembia dengan kerjasama Yayasan Pelajaran MARA (YPM) Dan Pertubuhan Generasi Progresif (PERGENSIF) bertujuan untuk meringankan beban ibu bapa khususnya mereka dalam kalangan keluarga B40.

"Kepada pelajar anak DUN Rembia yang memulakan sesi persekolahan,

saya mendoakan agar semua mereka berjaya dengan cemerlang dalam akademik dan kokurikulum," katanya.

Majlis yang berlangsung di Kompleks JAPERUN Rembia itu turut dihadiri ADUN Asahan merangkap Ketua Pemuda UMNO Melaka Fairul Nizam Roslan, Pengarah YPM Datuk Abdul Wahab Latif, wakil PERGENSIF dan pemimpin setempat.



MUHAMMAD Jailani menyampaikan sumbangan kepada anak-anak DUN Rembia yang telah memulakan persekolahan sesi 2022.

N05 - TABOH NANING



ZULKIFLEE memotong rumput di Tanah Perkuburan Islam Sungai Ragok.

Gotong-royong medium erat silaturahmi

TABOH NANING - Aktiviti gotong-royong menjadi medium terbaik untuk merapatkan silaturahmi dalam kalangan penduduk di kawasan perkampungan atau taman perumahan.

Ahli Dewan Undangan Negeri Taboh Nanning Zulkiflee Mohd Zin berkata, program seumpama itu bukan sahaja menjadi platform untuk penduduk setempat berkumpul sebaliknya memupuk semangat kerjasama.

"Bersempena kedatangan Ramadan kami menjalankan gotong-royong di tanah wakaf yang berjalan serentak di beberapa lokasi sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Taboh Nanning seperti di Kampung

Kemus.

"Kerja pembersihan membabitkan surau dan tanah perkuburan Islam, alhamdulillah sambutan amat menggalakkan, kerana aktiviti seperti ini sudah menjadi kebiasaan setiap kali menjelang Ramadan," katanya.

Beliau berkata, demikian selepas menghadiri Program Gotong-Royong Membersihkan Tanah Perkuburan Islam Kampung Sungai Ragok, Ayer Paabas, 27 Mac lalu.

Zulkiflee berkata, aktiviti gotong-royong itu mendapat kerjasama daripada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JKPK) lokasi terbabit.

N07 - GADEK

Syurga baharu di Aidilfitri

Faiz Hasan

GADEK - Mengenangkan Aidilfitri bakal menjelma tidak lama lagi, Limah Jentik, 61, meluahkan rasa seabanya setelah menerima rumah percuma sekali gus menjadi lembaran baharu buatnya bagi menyambut perayaan itu.

Dia meluahkan rasa syukur yang tidak terhingga selepas Rumah Prihatin yang dimohonnya berkali-kali akhirnya diluluskan dan dibina di sebelah rumah pusakanya.

"Alhamdulillah, tuhan saja yang tahu perasaan saya, syukur pada Allah malah saya tak dapat nak balas segala budi pihak yang terlibat dalam membantu kami sekeluarga.

"Mak Cik begitu bersyukur tidak teringga mungkin suatu hari nanti kalau Allah 'menjemput', saya terima dengan tenang," katanya ketika ditemui di rumah baharunya itu, di sini, 28 Mac lalu.

Terdahulu, Program Penyerahan Kunci Rumah Prihatin telah disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gadek, V P Shanmugam.

Limah yang menetap berdua bersama anak bongsunya, Samsol Kuleng, 32, berkata, rumah pusaka tinggalan arwah suaminya itu semakin usang dimamah usia.

Dia berkata kekangan disebabkan pen-

ularan pandemik COVID-19 menyebabkan usaha mendapatkan bantuan perumahan terbantu sebelum diluluskan dua bulan lalu.

Menceritakan suasana Syawal akan datang, dia terbayangkan teriakan anak cucunya dan bersedia untuk beraya bersama rumah baharu itu.

"Di rumah lama kalau tinggal di sana memang risau terutama pada waktu hujan dan ribut. Atapnya pula merata bocornya sehingga perlu tadah basin bila hujan berlaku.

"Alhamdulillah, bila ada rumah baharu ini saya begitu senang dan tak payah bersusah nak tadah air lagi dah," katanya ketika ditemui di rumah barunya hadi ini.

Sementara itu, seorang lagi penerima, Nurhayati Salim, 39, begitu gembira dengan bantuan diterima dan berharap syurga baharu itu dapat diraikan bersama keluarganya menjelang Syawal akan datang.

Ibu tunggal itu berkata, sebelum ini dia bersama tiga orang anak dan kakaknya menumpang di rumah ibu bapanya.

Malah, kehidupannya itu dijentik lagi apabila terpaksa berdepan dengan ibu bapa yang mempunyai penyakit kronik dan anaknya pula menghidap gangguan Sindrom Kurang Daya Tumpuan dan Hiperaktif (ADHD) memerlukan perbelanjaan rapi bagi melak-



LIMAH dan anaknya bersyukur mendapat rumah baharu.

sanakan rawatan susulan di hospital.

"Saya mohon pada bulan Feb dan pembinaan di tanah diwakafkan ibu saudara saya diluluskan JAPERUN Gadek.

"Alhamdulillah rasa syukur tidak terhingga bila kita tahu tahun-tahun sebelum ini kita tidak beraya disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) namun ini rezeki besar

saya tahun ini dapat beraya dengan rumah baharu.

"Hanya rasa terima kasih dan syukur kepada semua pihak terlibat termasuklah Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung (JPKK), JAPERUN dan wakil rakyat Gadek sendiri kerana prihatin di atas nasib yang menimpa saya sekeluarga," katanya.

N08 - MACHAP JAYA



HEE Sem menyampaikan sumbangan kepada keluarga mendiang Papai serta memujuk anak bongsunya untuk kembali ke sekolah.

YB pujuk anak Papai

MACHAP JAYA – Sebagai tanda prihatin Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap Jaya, Ngwe Hee Sem turun padang melawat keluarga mendiang lelaki masyarakat Orang Asli yang meninggal dunia akibat parah di dada selepas dihempap pokok yang ditebang dalam kejadian kira-kira jam 11 pagi, 25 Mac lalu.

Hee Sem berkata, mangsa Ibrahim Ketum, 40, atau lebih mesra dengan panggilan Papai dalam kalangan penduduk setempat disahkan meninggal dunia pada jam 3 petang di Hospital Alor Gajah.

"Papai amat aktif dalam pelbagai aktiviti komuniti seperti kumpulan rukun tetangga (KRT) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Mendiang seorang yang ringan tangan, mudah jika kita mahu minta tolong, menyebabkan ramai terkesan selepas pemergiannya.

"Anak bongsu mendiang dikenali sebagai Safinaz berusia 12 tahun paling terkesan hingga tidak mahu ke sekolah. Kami akan terus memujuk anak ini agar kembali sekolah dan memberi semangat kepadanya.

"Apa dilakukan bukan sekadar tanggungjawab sebagai pemimpin, sebaliknya menghargai mendiang yang banyak berjasa kepada komuniti di sini," katanya selepas menziarahi keluarga mendiang, 28 Mac lalu.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Hutan Percha Nizam Baharom.

Pada lawatan sama beliau yang juga EXCO Perpaduan, Perhubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna negeri turut menyampaikan menyampaikan sedikit sumbangan kepada keluarga mendiang.

N09 - DURIAN TUNGGAL

Individu, keluarga kurang bernasib baik terima bantuan

DURIAN TUNGGAL – Program Ziarah Kasih bukan sekadar lawatan menyampaikan sumbangan tetapi juga untuk mengenal pasti individu kurang bernasib baik yang tercicir daripada perhatian.

Inisiatif itu turut dilakukan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Durian Tunggal, Zahari Abd Kalil yang berkesempatan menyantuni beberapa keluarga memerlukan di sekitar Kampung Parit Melana, Durian Tunggal.

"Semoga Allah SWT mempermudah segala urusan insan-insan yang diuji ketika ini. Saya percaya dengan menziarahi mereka,

kita dapat memberi kelegaan dan keceriaan untuk mereka.

"Semasa lawatan ini saya juga sempat untuk bertanya khabar mengenai kesihatan pesakit dan dapat merapatkan hubungan silaturahim dengan keluarga mereka," katanya menerusi satu hantaran di Facebook rasminya baru-baru ini.

Hadir sama Ahli Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), Azman Omar.

Terdahulu Zahari sempat singgah di kedai makan Kampung Parit Melana untuk mendengar aduan serta permasalahan masyarakat setempat.



ZAHARI menyampaikan sumbangan semasa Ziarah Kasih di Kampung Parit Melana.

Pantai Puteri bakal jadi lokasi tetap Aquathlon

N12 - PANTAI KUNDOR



TUMINAH merasmikan 113 Aquathlon Melaka 2022 di Pentas Budaya Pantai Puteri yang membatik seramai 300 peserta dalam dan luar negara.

Farah Suhaidah Othman

PANTAI KUNDOR – Penganjuran program rekreasi 113 Aquathlon Melaka 2022 di Pantai Puteri bakal diadakan tiga kali setahun berikutan sambutan luar biasa terutama membabitkan pelancong asing.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor, Tuminah Kadi berkata kekerapan pelaksanaan program itu akan diputuskan penganjur Eventure Global dan Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Melaka.

Menurutnya perkara itu berdasarkan sambutan menggalakkan daripada pelancong tempatan dan luar negara pada program yang diadakan pada 27 Mac lalu.

Katanya, sebelum ini program berkenaan diadakan dua kali setahun dengan salah satu lokasi penganjuran adalah di Pantai Puteri.

“Di peringkat JAPERUN, kita amat mengalu-alukan program seumpama itu kerana ia mampu menaikkan nama Pan-

tai Puteri dalam kalangan pelancong asing.

“Penganjuran program itu juga sekali membantu menjana ekonomi tempatan bukan sahaja peniaga di Melaka malah meningkatkan pendapatan peniaga kecil di Pantai Puteri yang sebelum ini terkesan akibat pandemik COVID-19,” katanya.

Acara itu adalah salah satu program pelancongan di Melaka melibatkan disiplin berlari dan berenang dengan lima kategori dipertandingkan iaitu kategori Junior, Youth, Open, Veteran dan Relay.

“Istimewanya program kali ini adalah penyertaan paling tinggi membabitkan pelancong luar negeri yang kini menetap di Malaysia.

“Saya sendiri sempat beramah-mesra dengan peserta berasal dari Uzbekistan yang mengambil bahagian bersama empat lagi ahli keluarga lain,” katanya.



N13 - PAYA RUMPUT

KRT DUN Paya Rumput perlu lebih aktif

Siti Salehah

PAYA RUMPUT – Pemilihan dan pelantikan Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Paya Rumput Indah yang baharu diharapkan bukan sahaja dapat memperkasakan kepimpinan komuniti setempat malah merangka strategi serta program di kawasan itu.

Mesyuarat perantaraan itu yang diadakan baru-baru ini turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Rumput Datuk Rais Yasin.

Rais berkata, jawatankuasa yang dipilih perlu memainkan dan menjalankan tanggungjawab sebaik mungkin kerana mereka sudah diberikan kepercayaan serta dipilih penduduk.

“Saya berharap jawatankuasa yang baharu dipilih ini dapat menjalankan tanggungjawab untuk menjaga taman dengan baik.

“Terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak KRT Taman Paya Rumput Indah yang menjalankan sesi pemilihan ini dan penduduk yang turut hadir,” katanya.

Beliau yang juga EXCO Pendidikan negeri turut menyampaikan peruntukan RM3,000 kepada KRT berkenaan selain menyumbangkan pendingin hawa untuk dipasang di balai raya taman berkenaan.



RAIS hadir pada sesi pemilihan dan pelantikan KRT Taman Paya Rumput Indah.

FAIRUL Nizam merasmikan kursus asas RELA di Balai Raya Batang Melaka.

N10 - ASAHAN



Asahan tubuh Skwad Bantuan Bencana RELA

Liana Sahabudin

ASAHAN – Skwad Bantuan Bencana Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) akan ditubuhkan tahun ini bagi menyegerakan operasi membantu penduduk sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) ini yang terkesan akibat bencana alam.

Inisiatif itu disokong Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan, Fairul Nizam Roslan selepas merasmikan Kursus Asas RELA anjuran Jabatan RELA Daerah Jasin di Balai Raya Batang Melaka, baru-baru ini.

“Saya merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada seluruh ahli RELA DUN Asahan atas segala perkhidmatan dalam membantu saya menguruskan DUN Asahan.

“Insya-Aillah DUN Asahan akan menubuhkan Skwad Bantuan Bencana RELA pada tahun ini. Kita kerja sama-sama membantu rakyat,” katanya menerusi satu hantaran di Facebook rasminya.

N18 - AYER MOLEK

10,000 komuniti Jawa ada di Melaka



ADUN Ayer Molek Datuk Rahmad Mariman menyempurnakan perasmian Mesyuarat Agong PERWAJA 2020&2021.

Siti Salehah

AYER MOLEK - Bangunan Pusat Komuniti Persatuan Warisan Anak Jawa (PERWAJA) Paya Dalam, yang sudah siap sepenuhnya akan dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti dan program kebudayaan masyarakat Jawa di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Molek.

Setiausaha PERWAJA Darmawan Samsudin berkata, persatuan itu yang ditubuhkan pada 2019 adalah sebagai usaha untuk menempat dan mengumpulkan komuniti orang Jawa apabila mempunyai pusat komuniti tersendiri.

Beliau berkata, pusat komuniti itu dibangunkan terbengkalai lebih 25 tahun dan siap baru-baru ini sebelum perancangan aktiviti dan program yang dirangka dapat dilaksanakan sekaligus dapat mengeratkan hubungan masyarakat Jawa.

"Antara program yang dijadualkan akan diadakan di situ adalah marhaban termasuk kelas bahasa Jawa kerana ramai orang Jawa tidak dapat bertutur dalam bahasa Jawa.

"Kita mempunyai kira-kira 10,000 orang komuniti Jawa di Melaka dan ramainya di Paya Dalam termasuk dari Paya Tanjung, Paya Redan serta Tambak Jaya. Apabila ada bangunan semua aktiviti tertumpu di sini," katanya.

Menurutnya, seorang daripada komuniti Jawa adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Molek Datuk Rahmad Mariman dan beliau hadir serta menyempurnakan perasmian Mesyuarat Agong PERWAJA 2020 & 2021, baru-baru ini.

FOKUS DUN

N15 - PENGKALAN BATU

1,000 sertai Pengkalan Batu Berselawat

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PENGKALAN BATU - Kira-kira 1,000 jemaah menghadiri program 'Pengkalan Batu Berselawat' yang dianjurkan di Masjid Nur As'saadah, di sini, 26 Mac lalu.

Program tersebut diadakan sebagai antara usaha dilakukan untuk pengimarah masjid selain menyambut kedatangan bulan Ramadan iaitu bulan yang mulia bagi umat Islam.

Majlis alunan selawat telah dipimpin beberapa tokoh agamawan terkenal seperti Al Habib Abdullah Abdul Qadir Habsyi, Al Fadhil Tuan Guru Ustaz Muhammad Hatta Syamsul Ariffin Abd Rahim, Habibi Mustafa Abdul Wahab Al Haddar, Tuan Guru Mohd Redzuan Raffi Al Yamani dan Habib Abd Rahman Al Musawa.

Selain alunan selawat, pelbagai program kerohanian turut diadakan sepanjang majlis itu.

Majlis berkenaan turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu Datuk Kalsom Nordin bersama pemimpin setempat.



KALSOM bersama jemaah dalam program Pengkalan Batu Berselawat di Masjid Nur As'saadah.

N14 - KLEBANG

Pancing keli Pulau Gadong, dapat RM10,000



PEMENANG utama pertandingan memancing Joran Darat @Empangan Pulau Gadong, 27 Mac lalu.

KLEBANG - Seorang pemancing terkedu apabila ikan keli seberat 1.58 kilogram (kg) yang dipancingnya di Empangan Pulau Gadong, di sini, melayakkannya membawa pulang wang tunai RM10,000.

Ia selepas ikan berkenaan muncul ikan terberat dalam pertandingan memancing Joran Darat @Empangan Pulau Gadong, 27 Mac lalu.

Zainudin Suherman, 57 berkata, dia terkejut apabila mengetahui ikan yang dinaikkannya kira-kira jam 10 pagi menggunakan umpan cacing itu muncul johan pertandingan berkenaan.

Ini kerana menurutnya, kebiasaan ikan seberat tidak sampai 2kg jarang memenangi pertandingan.

Bagaimanapun, dia bersyukur dengan kemenangan itu dan menyifatkannya sebagai rezeki Ramadan untuknya dan keluarga.

"Alhamdulillah rezeki menjelang Ramadan. Memang betul-betul tuah saya hari ini kerana selain menjadi juara, saya turut mendapat tempat ke-14 dan cabutan bertuah.

"Sejak menyertai pertandingan memanc-

ing, inilah kali pertama saya mendapat hadiah kemenangan sebesar ini. Syukur alhamdulillah," katanya kepada Melaka Hari Ini selepas majlis tamat pertandingan berkenaan.

Sementara itu, tempat kedua dan ketiga masing-masing menjadi milik pemancing yang menaikkan keli seberat 0.96kg dan 0.76kg sekaligus membawa pulang RM2,000 dan RM1,000.

Hadiah kemenangan telah disampaikan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Klebang Besar Hamzah Ibrahim dan wakil PEMBELA Klebang Besar Amir Isa.

Untuk rekod, Joran Darat @Empangan Pulau Gadong merupakan pertandingan kali ketiga dianjurkan Joran Unggul Event Management dengan kerjasama JAPERUN dan JPKK Klebang.

Seramai hampir 300 peserta mengambil bahagian dalam pertandingan yang bermula pada jam 8.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan.

N23 - TELOK MAS



PASANGAN baharu berkahwin diberikan beras percuma 100 kilogram.

15,700kg beras diagih untuk pengantin baharu

Liana Sahabudin



TELOK MAS - Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Telok Mas menghadiahkan 100 kilogram (kg) secara percuma kepada pasangan pengantin di Dewan Undangan Negeri (DUN) itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Mas, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman berkata inisiatif itu mula dilaksanakan sejak 4 Disember lalu bagi meringankan beban keluarga yang mahu mengadakan majlis perkahwinan dalam musim pandemik COVID-19.

Katanya, pemberian itu bagaimanapun hanya diberikan kepada pasangan pengantin yang berkahwin kali pertama sahaja.

"Buat mereka yang bakal berkahwin, boleh menghantar kad jemputan kahwin ke JAPERUN Telok Mas sementara di Kampung Ketapang.

"Insya-Allah anda dan pasangan layak menerima 100 kilogram beras percuma," katanya menerusi catatan Facebook miliknya.

Dalam pada itu, Setiausaha JAPERUN Faris Mohd Said berkata, sejak pemberian itu dilaksanakan, sebanyak 15,700 kilogram diagihkan kepada 157 majlis perkahwinan.

"Walaupun ada majlis perkahwinan melibatkan dua atau tiga pasangan, namun kita berikan 100 kg beras itu mengikut majlis," katanya.

N25 - RIM

Kenal pasti punca banjir di Rim

RIM - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim, Datuk Khaidhirah Abu Zahar mempengerusikan Mesyuarat Pengurusan Banjir DUN RIM bagi membincangkan punca dan masalah yang menyebabkan bencana itu.

Katanya, mesyuarat itu turut membabitkan wakil beberapa agensi selain Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) yang terlibat.

"Di dalam mesyuarat ini kami membincangkan beberapa punca dan masalah yang menyebabkan banjir selain mencari jalan penyelesaian sama ada 'short term' (jangka pendek) ataupun 'long term' (jangka panjang).

"Saya pasti banyak perkara yang kita boleh lakukan terlebih dahulu sementara menunggu projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang dikendalikan kerajaan negeri siap sepenuhnya," katanya menerusi satu hantaran di Facebook rasminya, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Khaidhirah meminta mana-mana penduduk yang memerlukan bantuan supaya terus ke JAPERUN RIM dan 'Team' JAPERUN sentiasa bersedia untuk membantu mereka.



KHAIDHIRAH mempengerusikan Mesyuarat Pengurusan Banjir DUN RIM, baru-baru ini.

N21 - DUYONG



PENYAMPAIAN sumbangan kepada masjid, surau dan maahad tahfiz di sekitar DUN Duyong.

JAPERUN Duyong agih sumbangan sempena Ramadan

Siti Salehah

DUYONG - Sejumlah peruntukkan diagihkan kepada masjid, surau dan maahad tahfiz sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Duyong bagi memeriahkan lagi suasana sepanjang bulan Ramadan dengan pelbagai aktiviti berfaedah.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan itu Mohd Noor Helmy Abdul Halem berkata, sumbangan itu di harap dapat membantu kesemua 29 institusi keagamaan terbabit.

"Mengikut rekod dalam DUN Duyong ada 14 Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), empat masjid, 22 buah surau dan tiga maahad tahfiz.

"Sumbangan daripada JAPERUN Duyong itu disampaikan oleh Pengerusi JPKK kepada wakil masjid, surau dan maahad tahfiz di kawasan pentadbiran mereka," katanya.

Menurutnya, antara yang menerima sumbangan itu adalah Masjid Al Abrar, Semabok; Masjid Jamek Laksamana Hang Tuah, Kampung Duyong; Surau AL Falah, Taman Duyong Permai; Surau An-Nur Bukit Duyong serta Maahad Tahfiz Raudhatul Qubra.

N27 - MERLIMAU



AKMAL ketika mengadakan lawatan ke Makam Tun Teja, baru-baru ini.

Makam Tun Teja bakal berwajah baharu

FOKUS DUN

Mohamad Fazrul Abdul Majid

MERLIMAU – Makam Tun Teja yang terletak di Kampung Pengkalan Samak, di sini, akan berubah wajah sedikit masa lagi, kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau Dr Muhamad Akmal Saleh.

Katanya, ia berikutan kawasan bersejarah itu kini dalam proses naik taraf dengan menambah pelbagai informasi serta landskap lebih menarik untuk menarik minat orang ramai mengetahui tentang lokasi bersejarah di negeri ini.

"Di Merlimau ini sebenarnya banyak tempat bersejarah yang ramai orang luar dan mungkin dalam Merlimau sendiri tidak perasan. Salah satunya Makam Tun Teja di Kampung Pengkalan Samak.

"Jadi antara perancangan saya untuk DUN Merlimau adalah untuk me-

naik taraf semula tempat-tempat bersejarah ini dengan pelbagai info dan landskap yang lebih menarik untuk menjadi daya tarikan orang ramai sama ada dari dalam atau luar Merlimau untuk datang dan boleh dapatkan ilmu sejarah asal-usul yang berlaku di Merlimau.

"Alhamdulillah perancangan untuk menaik taraf Makam Tun Teja sedang dilaksanakan dan hampir siap. Insha-Allah raya ini mana-mana yang balik kampung boleh singgah di Makam Tun Teja ya," katanya dalam hantaran di Facebook rasminya, Akmal Saleh.

Menurut Akmal perancangan itu merupakan antara yang terkandung dalam misi 'Mewajah Merlimau 5 Tahun' yang diperjuangkannya sebaik dilantik menjadi wakil rakyat kawasan itu.

N26 - SERKAM

Kampung Tedong bakal dapat sekolah agama, rumah kedai

SERKAM - Kampung Tedong, di sini, bakal mengalami beberapa transformasi pembangunan demi kesejahteraan penduduk di kawasan itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serkam Datuk Zaidi Attan berkata, antara pembangunan yang akan dilakukan ialah pembinaan sebuah sekolah agama baharu.

Katanya, sekolah agama itu akan dibangunkan daripada sebuah balai raya di kawasan itu yang akan diubah suai.

Selain itu, beliau bersama pemimpin setempat turut melawat ke tapak bina sebuah rumah kedai Majlis Perbandaran Jasin yang akan dibangunkan di kampung berkenaan.

"Sebanyak empat unik rumah kedai MPJ akan dibangunkan bagi meningkatkan ekonomi penduduk di kawasan ini," katanya.

Dalam lawatan yang diadakan baru-baru ini, beliau turut meninjau kerja-kerja pembinaan rumah untuk seorang warga emas di Kampung Tedong Pekan.



Zaidi melawat tapak balai raya yang akan diubah suai menjadi sekolah agama di Kampung Tedong.

N28 - SUNGAI RAMBAI



SITI Faizah bergambar bersama pemenang pertandingan akhir bola sepak Liga Juara-Juara YB Sungai Rambai.

Tambah baik kemudahan sukan, riadah Sungai Rambai

Norizan Muhid

SUNGAI RAMBAI – Pembangunan infrastruktur khususnya pembinaan kemudahan sukan dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Rambai akan ditambah baik dari semasa ke semasa.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai, Siti Faizah Abdul Azis berkata, usaha itu penting dalam memastikan penduduk DUN Sungai Rambai menikmati kemudahan infrastruktur terbaik

Menurutnya, ia bukan sahaja bertujuan meningkatkan kualiti dan taraf hidup penduduk malah menarik kunjungan lebih ramai pelawat ke Sungai Rambai pada masa depan.

"Memang sejak awal lagi tumpuan saya adalah untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur demi kelesaan penduduk Sungai Rambai.

"Ini termasuk menaik taraf kemudahan sukan sedia ada misalnya ge-

langgang futsal dan sukan takraw serta bola tampar di Seri Mendapat yang menelan kos RM50,000," katanya.

Beliau berkata demikian pada pertandingan akhir bola sepak Liga Juara-Juara YB Sungai Rambai antara KBM Merlimau dan Serkam United yang berpihak kepada Kelab Bola Sepak Merlimau (KBM) dengan 3-0 berlangsung di Padang Seri Mendapat, di sini, 27 Mac lalu.

Setakat ini Siti Faizah, berpuas hati dengan tahap perkhidmatan yang diberikan kepada penduduk DUN Sungai Rambai.

Namun pada masa yang sama beliau mengakui banyak lagi pembangunan perlu dilaksanakan demi menjamin kelesaan penduduk.

Antara usaha penambahbaikan dan kerja-kerja naik taraf kemudahan yang berjaya dilaksanakan setakat ini adalah memperbaiki sistem perparitan di Kampung Paya Buloh Lanchang yang sering dinaiki air sebelum ini.



MIMBAR MAIM

“Dan hendaklah kamu bertolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencemburuan. Dan bertakwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah maha berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).” (Surah al-Ma'idah, ayat 2).

Tingkat kualiti perkhidmatan

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Perkhidmatan terbaik menjadi asas kepada penguatkuasaan sesebuah agensi khususnya agensi agama Islam dalam memartabatkan sosio kehidupan umat Islam di negeri ini.

Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) merupakan sebuah agensi agama yang telah diberikan amanah yang besar dalam melaksanakan tanggungjawab yang dipikul demi maslahat umat Islam secara

amnya.

Pekhidmatan terbaik perlu hadir seiring bersama kualiti perkhidmatan yang diterjemah oleh pegawai dan kakitangan MAIM dalam usaha memastikan kebajikan umat Islam terjaga dan terjamin sebaiknya.

Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim berkata sebagai penjawat awam yang berintegriti setiap kakitangan MAIM perlu memastikan setiap perkhidmatan yang diberi hendaklah diadaptasi di peringkat lapangan.

Jelasnya, golongan asnaf merupakan sasaran utama dalam misi dan visi MAIM membantu mereka yang dalam kesusahan untuk meneruskan kehidupan.

Katanya, dengan komitmen yang diberi serta ketelitian dalam menjalankan amanah akan memberikan kesan yang positif kepada masyarakat Islam di negeri ini.

"Kita yakin dengan perkongsian maklumat dan ketelusan dalam menjalankan tugas, segala tanggungjawab yang diberi dapat dilaksanakan dengan jayanya," ucap



MD Rawi menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Setia 25 tahun kepada pegawai MAIM, Mohd Zaki Jaafar.

beliau pada Majlis Bicara Integriti bersama kakitangan MAIM baru-baru ini.

Hadir sama di majlis itu, Timbalan Pengerusi MAIM, Datuk wira Md Rawi Mahmud dan Mufti Negeri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil.

Tambah beliau, kita juga perlu melahirkan kakitangan yang berdaya saing serta mampu membentuk gerak kerja yang lebih efisien demi maslahat umat Islam khususnya di negeri ini.

Ujarnya lagi, bukan sahaja golongan asnaf yang perlu diberi perhatian tetapi kemajuan ekonomi

umat Islam juga sentiasa dititikberatkan bagi memastikan sosio kehidupan mereka dapat diimbangi dengan sebaiknya.

"Kita juga mahu memastikan MAIM merupakan agensi agama yang terulung di mata masyarakat khususnya dalam urusan meningkatkan taraf hidup serta sahsiah diri umat Islam."

Kerjasama antara agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta masyarakat sekeliling juga merupakan aspek penting dalam memastikan MAIM menjadi rujukan utama umat Islam di negeri ini.



SEBAHAGIAN pegawai dan kakitangan MAIM hadir pada majlis itu.



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | majlis agama islam melaka **Facebook** | facebook/maimmelaka



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

"Pengagihan zakat yang telus amanah kami"

Lensa Program Gotong Royong Ambang Ramadan

SEBAHAGIAN pegawai dan kakitangan MAIM bersama anggota sukarelawan Badan Sukarelawan Al-Taqwa (BSAT) MAIM mengadakan program gotong-royong di rumah asnaf, Abu Bakar Jaafar dan Mardhinah Abdullah baru-baru ini. Program seumpama ini sering diadakan sempena bulan Ramadan bagi memberi keselesaan kepada asnaf menikmati ibadah puasa dengan penuh keinsafan. Turut hadir Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim yang meluangkan masa menyampaikan kit makanan kepada asnaf.



Salam
RAMADAN
AL - MUBARAK 1443H

Setulus Ikhlas Daripada



Ahli Lembaga Pengarah,
Setiausaha & Seluruh Warga Kerja
Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)



SETIAUSAHA MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim menerima kunjung hormat daripada delegasi Masjid Al-Syuhada', Kem Terendak yang diketuai Pengerusi, Kolonel Zulkefly Md Kasim bagi membincang berkaitan tanah wakaf masjid berkenaan.



PRIHATIN ASNAF...Skuad Agihan Zakat (SAZ) MAIM diketuai pegawai Zakat Daerah Melaka Tengah, Nazri Rahim menyantuni asnaf MAIM di sekitar daerah ini bagi memastikan keperluan harian dan kebajikan asnaf sempena bulan Ramadan ini mencukupi. SAZ turut menyampaikan wang tunai dan keperluan makanan harian kepada keluarga Allahyarham Azizan Baba yang juga merupakan asnaf MAIM serta bekas pemain bolasepak pasukan Melaka yang telah meninggal dunia baru-baru ini akibat penyakit barah yang dialaminya. Dalam waktu yang sama, SAZ juga membantu sebuah keluarga yang berada dalam kesusahan berikutan tidak mempunyai pendapatan tetap berikutan masih baharu menetap di negeri ini. Pihak SAZ juga menyempurnakan bantuan makanan secara bulanan serta tanggungan persekolahan anak keluarga ini bagi meringankan beban mereka sekeluarga.

Sungai Melaka Fasa 2 jadi hab belia

Fiqa Jamal

BANDARAYA MELAKA - SDGs Park di Sungai Melaka Fasa 2 menjadi hab aktiviti seni anak muda sekali gus menghargai bakat golongan itu di negeri ini.

EXCO Belia negeri, V P Shanmugam berkata perkara itu secara tidak langsung membantu menjana ekonomi anak seni tempatan yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

"Kerajaan negeri sentiasa memberi ruang dan peluang kepada mana-mana anak seni untuk berkarya dan dengan adanya hab belia ini sekali gus mampu membawa mereka berdirikan tanpa bergantung kepada kerajaan negeri.

"Taman SDGs ini akan diangkat menjadi hab aktiviti belia dalam menjalankan aktiviti yang diminati mereka termasuk menonjolkan karya seni.

"Dalam fasa peralihan endemik, kita harapkan akan ada pelbagai aktiviti yang akan dijalankan sekaligus mampu menarik pelancong untuk sama-sama menghayati hasil seni anak tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas mewakili Ketua Menteri merasmikan Projek 'River Lights' 2022 di Taman SDGs, Sungai Melaka, di sini, 26 Mac lalu.

Hadir sama, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Datuk Zainal Abu dan Pengerusi MyCreative Ventures, Noor Azmi Mat Said.

Shanmugam berkata, hab berkenaan juga dilihat berpotensi membuka peluang pekerjaan dan menjana pendapatan, berikutan kewujudan kedai serta premis perniagaan seliaan MBMB.

Mengulas lanjut, Shanmugam berkata menerusi projek 'River Lights', pengunjung terutamanya belia dapat bersantai di kawasan tepi Sungai Melaka Fasa 2 dan dihiburkan dengan persembahan artis tempatan dari 25 hingga 27 Mac 2022 serta pelbagai lagi aktiviti menarik.

"Antaranya adalah pertunjukan arca yang menampilkan reka bentuk warna pelangi, lampu neon pula akan dikekalkan hingga 31 Mei 2022 khas buat warga Melaka yang ingin bersantai dan berswafoto," katanya.



SHANMUGAM melihat arca 'River Lights' sempena Program 'Earth Hours' Dan Majlis Perasmian Projek 'River Lights' 2022 Melaka di SDGs Park, Sungai Melaka Fasa II, Plaza Melaka Sentral. Turut bersama Datuk Bandar, MBMB, Datuk Zainal Abu. Foto Iqmal Haqim Rosman

Bawa pelajar 'nakal' tinggal dalam penjara



AKMAL ketika mengadakan lawatan ke bilik pameran sempena Majlis Perasmian Pameran Metamorfosis Di Sebalik Tembok di Muzium Penjara, Bandar Hilir. Foto Iqmal Haqim Rosman

Liana Sahabudin

BANDA HILIR - Pelajar yang dikenal pasti mempunyai masalah disiplin dan sosial yang kritikal dicadang untuk dibawa merasai sendiri pengalaman duduk di dalam penjara, kata EXCO Kesihatan dan Antidadah Negeri Dr Muhamad Akmal Saleh.

Beliau berkata, cadangan itu merupakan antara usaha 'reverse psychology' yang dilakukan bagi mengurangkan masalah sosial dalam kalangan pelajar yang semakin meningkat pada ketika ini.

Ujarnya, perkara itu akan dibincangkan bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta dibentangkan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

"Kita melihat bahawa masalah sosial dalam kalangan pelajar sekolah semakin meningkat.

"Jadi dengan membawa mereka rasai sendiri pengalaman berada dalam penjara di Muzium Penjara ini sedikit sebanyak dapat mengubah psikologi mereka.

"Ini supaya mereka tahu bila membuat salah mereka (pelajar) akan di hukum di penjara dan tiada lagi kebebasan diberikan.

"Kita bawa ke sini bukan setakat pelajar dapat belajar tapi boleh merasai sendiri duduk di dalam sel selama 20 minit," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Pameran Metamorfosis Di Sebalik Tembok di Muzium Penjara di sini, 31 Mac lalu.

Ujarnya, dengan suasana penjara yang sempit serta gelap sudah tentu mengubah pemikiran pelajar untuk mencegah dari melakukan perkara yang tidak baik.

"Sebab dalam tu keadaan yang sempit dan gelap, usaha ini boleh mengubah pemikiran anak-anak ini sebab kalau kita guna kaedah merotan mereka ia kurang berkesan.

"Tapi kalau kita psiko dia sendiri, kita bawa dia sendiri rasa bagaimana kalau dia buat salah duduk dalam penjara dia lihat bagaimana org kena sebat... saya percaya ia dapat mengubah persepsi pelajar itu," katanya.

PPR Klebang dijangka siap tahun depan

Siti Salehah

KLEBANG - Projek Perumahan Rakyat (PPR) Klebang dijangka siap pada pertengahan tahun hadapan apabila Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sudah melantik kontraktor baharu bagi meneruskan pembinaan.

EXCO Perumahan negeri, Datuk Zaidi Attan berkata, projek berkenaan tertangguh sejak tahun 2018 dan KPKT mengambil langkah langkah itu bagi memastikan projek perumahan itu siap mengikut tempoh ditetapkan.

Jelasnya, selain melantik

kontraktor baharu, kementerian itu juga memohon peruntukan tambahan berjumlah RM16 juta daripada Kementerian Kewangan Malaysia, bagi kerja tambahan.

"Kontraktor baharu sudah dilantik dan akan berada di tapak seawal bulan Mei nanti malah dijangka akan mengambil masa setahun untuk disiapkan.

"Kerja tertangguh cuma tinggal 10 peratus, sebenarnya projek ini sudah siap 90 peratus. Selain itu kita juga akan tengok semula sistem pendawaian jika terdapat kerosakan," katanya.

Beliau berkata demikian

kepada pemberita selepas melawat tapak pembinaan projek berkenaan yang turut dihadiri Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan Melaka (LPM), Mohd Salleh Hamidom, 29 Mac lalu.

Sementara itu, seorang pembeli Nur Azwani Lasim, 30, meluahkan rasa syukur apabila projek berkenaan dijamin akan siap selepas sekian lama menunggu.

Dia yang juga peniaga nasi lemak berkata, rumah itu amat dinantikannya kerana tidak mampu lagi untuk menyewa rumah berikutan kadar sewaan yang tinggi pada masa ini.

"Setiap hari apabila lalu



PROJEK pembinaan PPR Klebang yang terbengkalai sejak 2018. Foto: Iqmal Haqim Rosman

kawasan ini saya hati melihat tiada perkembangan sedang-

kan kami amat berharap dapat memiliki dan duduki

rumah sendiri untuk kesejahteraan anak-anak," katanya.



WWW.KIBGIM.COM

SCAN HERE

SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: ENGLISH

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

PART 3

You are going to read an extract from a novel. For questions 19 to 26, choose the correct answer (A, B, C or D) and mark the correct letter A, B, C or D on your answer sheet.

Claire woke up before her alarm went off and she realised immediately something didn't seem right in the house. Coco, her brown Labrador dog, should have been there at the bedroom door demanding food but there was no sound of him. She decided to get up and go and see where he was. In the hallway of her room, she felt very cold, but she knew she had left the heating on last night. As she walked down the stairs she heard a noise in the kitchen; the strange feeling that something was wrong was getting stronger.

What was happening? As she reached the bottom of the stairs, she opened the living room door, which led to the kitchen. Why was the door closed? She always left it open. She couldn't find Coco, and his toys, which were usually all over the living room floor, were neatly arranged in a corner next to his basket. Had they been there when she went to bed last night? She couldn't remember.

She walked into the kitchen and switched the light on but it didn't work, nothing happened. She stood very still and listened, nothing. There was no sound at all. That was really strange because she lived in the heart of a busy city, and was constantly surrounded by people. She woke up to the sound of traffic, car horns, police cars and her neighbours shouting in the house next door. How could there be silence at 8 o'clock on a Friday morning?

She returned to the living room and turned on the television, but again nothing happened. She went back into the kitchen and looked out of the window; the day was bright and clear. The back door was shut but when she tried the handle she discovered it was unlocked. She walked out into the tiny back garden and opened the back gate but there was no sound or sign of Coco - nothing. She called him but he didn't come.

She went back into her house and did what she realised she should have done as soon as she got up and called her mother.

However, there was no answer. She called her boyfriend but his phone was switched off, and she received an answering machine message. She tried calling her best friend and a few more numbers but with equal success. She sat down on the sofa and thought about what she could do. She couldn't make up her mind whether she should stay at home or go out and look for someone.

Just as she decided the best thing would be to stay at home and wait, a loud banging came from the front door. She jumped to her feet and ran to the door. 'Who is it?' she shouted through the door. The reply was 'It's me,' but she had no idea who 'me' was. With all the other strange things that were happening this morning, she didn't want to open the door until she was sure she knew who it was. She didn't want to shout through the thick front door, so she walked back into the living room and tried to look out the front window to see who was standing at the front door.

It was a man but she couldn't tell who he was because he didn't look like anyone she knew. He was tall and had a large coat with a hood that he wore over his head. Just as she was thinking of running out the back door she noticed that the man had Coco with him, and Coco seemed quite happy, which meant that the man had to be someone he knew and liked; otherwise, he would have been barking. *She still wasn't taking any chances though*; she put the safety latch on the door and opened it just enough to see who was standing there. It was her brother who lived just a few streets away, and she was immediately relieved.

She opened the door all the way and let him in. Coco was more pleased than ever to see Claire, he jumped up as he rushed through the door - almost knocking over her brother. 'So what's going on?' she asked her brother. He looked at her as if she was stupid. 'Have you not heard?'

- 19 In paragraph 1, what made Claire realize something was wrong?
- Her dog was not outside the bedroom door.
 - Her dog was quieter than usual.
 - Her alarm clock did not go off.
 - She had woken up very early.
- 20 In paragraph 2, how would you describe the writer's feeling when she opened the living room door?
- Confused
 - Annoyed
 - Excited
 - Scared
- 21 In paragraph 3, what was unusual about the situation in the kitchen?
- There was a dead silence.
 - The sound of the television.
 - The shouting of the neighbors.
 - The traffic and everyday noise of the city.
- 22 In paragraph 4, what was her intention of going into the garden?
- To see what the weather was like.
 - To open her back gate.
 - To make a phone call.
 - To look for Coco.
- 23 In paragraph 6, she went back to the living room after someone knocked at the front door because she
- did not like having guests over.
 - wanted to sit down and think about what to do.
 - wanted to try and see who was at the front door.
 - did not want to talk to the person at the front door.

- 24 In paragraph 7, her first reaction to the man was to run for safety. What changed her mind?
- She recognized the clothes he was wearing.
 - Coco seemed relaxed with him.
 - Coco was barking at him.
 - She recognized his voice.
- 25 What does the author mean by 'she still wasn't taking any chances though'?
- She was going to take advantage of the situation.
 - She was not going to waste the opportunity.
 - She was not going to take any risks.
 - She was not feeling lucky.
- 26 What is the writer's main purpose of writing this story?
- To warn others about the unforeseen future.
 - To show the strong bond she has with her dog.
 - To share an account of the events that took place that day.
 - To share the precious memories of her dog and her family members.

PART 4

Questions 27 to 32

You are going to read an article about internet usage amidst the pandemic. Six sentences have been removed from the article. Choose from the sentences A to H the one which fits each gap (27 to 32). There are two extra sentences which you do not need to use.

Mark your answers on the separate answer sheet.

The Internet and Covid-19

Covid-19 pandemic has entirely changed many aspects of our lives. Workplaces, educational institutions and entertainment facilities are completely shut. 27 . In this critical period of time, internet access has become a necessity.

To begin with, internet has helped educators around the world to deliver their lessons through virtual learning platforms. 28 . Integration of these platforms into education makes learning even more exciting compared to chalk and talk method. At the same time, it allows students to experience face-to-face interaction with teachers just like in schools.

Besides online learning, the internet has made it easier for people to stay in touch with their beloved ones during pandemic. 29 . Nevertheless, space is no longer a barrier for people now as they can immediately connect with their dear ones via text messages or live video calls by using applications such as WhatsApp and Telegram. 30 .

Additionally, people can gain access to various information with just a click of mouse. This promotes extensive learning since they don't need to spend hours flipping through books or other resources to look for information. 31 . Search engines will then present them with relevant details in a split second. This is ultimately useful to complete their assignments or projects without any hassle.

Internet also plays a pivotal role in the field of entertainment. Internet based streaming services like Netflix and YouTube are just a mere click away. 32 . On top of that, it is very convenient as people can enjoy their favourite entertainment programs safely from the comfort of their own homes.

In conclusion, the internet is a boon to all and sundry especially in this critical period of time. Internet may not prevent the onset of the pandemics but it still helps people to survive.

- | | | | |
|---|--|---|---|
| A | These applications have greatly transformed the world of communication. | E | At present time, people are unable to meet their family and friends due to travel restrictions. |
| B | We can now communicate with anyone through text messages instantly. | F | Many online learning sessions are based on lectures. |
| C | For instance, students are able to search for any education related information by typing in keywords. | G | People are forced to stay at home to curb the spread of virus. |
| D | Some of virtual learning platforms which teachers can conduct interactive sessions are Google Meet and Zoom. | H | These platforms allow people to watch latest shows and movies. |

ANSWER:

19.A 20.A 21.A 22.D 23.C 24.B 25.C 26.C 27.G 28.D
29.E 30.A 31.C 32.H

UMAT cari alumni UiTM Melaka

Faiz Hasan

BANDARAYA MELAKA - Misi menghimpunkan alumni Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka menjadi fokus Persatuan Alumni UiTM Cawangan Melaka (UMAT) tahun ini.

Presidennya, Datuk Rosthman Ibrahim berkata, persatuan yang ditubuhkan pada Jun 2019 itu menyasarkan seramai 3,000 alumni universiti itu untuk berdaftar dengan persatuan bagi memastikan kebajikan dan penyatuan dapat dijalin.

Beliau berkata, setakat ini kira-kira 300 alumni telah berdaftar daripada 50,000 graduan yang dihasilkan UiTM Melaka sejak penubuhannya.

Jelasnya usaha itu menghimpunkan semula individu yang pernah bergelar mahasiswa dan mahasiswi di universiti terbabit memerlukan data terperinci.

"Kita mahu menghimpunkan mereka untuk mengenal pasti maklumat agar bagi memudahkan usaha menghulurkan bantuan dilakukan dengan mudah selain membentuk sebuah komuniti yang lebih erat.

"Untuk itu, laman sesawang UMAT telah dilancarkan bagi me-



IBRAHIM (kanan) melakukan gimik perasmian pelancaran laman sesawang dan kad keahlian UMAT pada Majlis Makan Malam Eksklusif UMAT 250 diadakan di Hotel La Crista.

mudahkan kesemua alumni UiTM Melaka mendaftarkan diri dengan kadar yuran yang cukup rendah namun bakal menikmati pelbagai kelebihan ditawarkan seperti kad diskaun," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Makan Malam Eksklusif UMAT 250 diadakan di sebuah hotel, di sini 26 Mac lalu.

Program julung kali diadakan

selepas penubuhan persatuan itu dirasmikan Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM, Prof Emeritus Tan Sri Dr Ibrahim Shah Abu Shah.

Program diadakan itu meru-

pakan simbolik kepada perhimpunan 250 orang alumni, pengerusan, pensyarah dan staf sokongan yang pernah menabur budi sejak penubuhan UiTM Melaka pada 1984.

Kutip 10kg bekas makanan di Pantai Klebang

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KLEBANG - Seramai 22 pelajar Vision College bersama warga kerja Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) menjalankan khidmat tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan mengutip sisa sampah di pesisir Pantai Klebang, 27 Mac lalu.

Program itu disertai pelajar 'Advanced Diploma in Ultrasonography' yang mana ia merupakan salah satu modul dalam silibus pembelajaran untuk penuntut melakukan kerja-kerja amal dan komuniti.

Dalam program berkenaan, sebanyak 10 kilogram (kg) sampah berupa bekas makanan dan minuman berjaya dikutip di sepanjang pantai berkenaan.

MBMB dalam satu kenyataan berkata, menerusi program seumpamanya, ia diharapkan dapat memberikan kesedaran kepada pengunjung mengenai pentingnya menjaga kebersihan di lokasi tumpuan.

"MBMB merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada pelajar-pelajar yang mengambil bahagian untuk menjayakan program ini," kata kenyataan itu.



ANTARA pelajar Vision College yang menyertai program CSR di Pantai Klebang.



Hikayat Nakhoda Muda:

The Story of Pepper, Loyalty and Betrayal in the 1700s



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

NOT many have studied on the earliest Malay biography ever written. I found a copy of the first publication of *Hikayat Nakhoda Muda* at the library of the Perak Museum, Taiping, some two decades ago. It was translated into English by William Marsden, a scholar of Malay during his posting at Beng-

kulu (Bangkahulu/Bencoolen), and published in 1830. Marsden was famous for his work *A History of Sumatra* (1811). The biography, also termed as a "self-narrative" was written by Nakhoda La'uddin in 1788, or perhaps earlier in 1766. It was written in Lais (or Laye), South Sumatra, just north of Bengkulu.

The manuscript *Hikayat Nakhoda Muda* was sent to England in 1791 and kept in the Marsden Collection, catalogued as SOASMS 40323, School of Oriental and African Studies, London. The Marsden publication is titled *Memoirs of a Malayan Family, written by themselves, translated from the original*. Subsequently, Dutch scholar G.J. Drewes transcribed *Hikayat Nakhoda Muda* under the titled *De Biografie van een Minangkabausen Peperhandelaar in de Lampongs* (1961)

In the biography, La'uddin portrayed his father Nakhoda Muda. Among the many Malay texts engaged by Abdullah Munshi, he regarded the *Hikayat Nakhoda Muda* as a

“The value of the *Hikayat Nakhoda Muda* is not only in the literary strategy by author La'uddin. It was also on the manifestation of a modern, rational and cosmopolitan mind of a Malay family in the 1700s – a jewel in modern Malay writing.”

“manikam” (a gem). The *Hikayat Abdullah* was inspired by the “new writing”, the first Malay biography. One of those who have delved into La'uddin's biography is Hadijah Rahmat of the National Institute of Education, Nanyang Technological University, Singapore. Hadijah, who had studied the *Hikayat* for her doctorate between 1992 and 1995, critically examines notions and concepts of authorship and consciousness, and themes likes power, loyalty, honesty and integrity. This is found in her compendium titled *Abdullah bin Abdul Kadir Munshi: His Voyages, Legacies and Modernity* (2021). This essay is based on her study of the *Hikayat*.

The protagonist is Nakhoda Muda, the father of La'uddin, the biographer. He wrote the work at the request of Mr. Butter Hunnings, who was an English Agent or Resident in Lais during the period. *Hikayat Nakhoda Muda* chronicles the fortunes of three generations of a Minangkabau family of traders who *merantau* from Sumatra to Kalimantan, and then settled in Lampong, Sumatra. The generations are Nakhoda La'udin bin Tayan (Nakhoda Muda) bin Nakhoda Mungkuta. The narrative falls between the years of 1756 and 1766.

Hikayat Nakhoda Muda displays the author as an independent subject within a feudal setting. It was about a pepper trader, born into a family where trading and travelling were traditions. He received education, proper training and guidance from his experienced father. Nakhoda Muda was a well-respected leader, loved by his community. He was recognized by the Sultan and the Dutch Company. Portrayed as loyal and dedicated, it is also significant that his son La'uddin painted him as a man of principle and integrity who valued his personal rights.

In the narrative, we find Nakhoda Muda emphasizing the value of education, when he sent his two sons, Bantan and La'uddin for education in reading and writing. Perhaps what is more significant in the story was the request by the Sultan (of Banten) for him to administer Semangka, in particular to report on conflicts and to supervise the pepper plantations there. Once there was a revolt against the Sultan by Ratu Bagus Buang. Nakhoda Muda was forced to surrender but instead pledged loyalty to the Sultan. He further requested assistance and the Sultan sent him two ships, which forced Ratu Bagus Buang to flee.

In honour of his services to the Sultan and the Company, the Sultan conferred him the title *Kiai Demang Purwasedana*. In-

itially, he rejected it; but was turned down by the Sultan. This ran counter to traditional narrative where royal titles and requests were usually welcomed and received with a sense of honour and pride. These were never questioned. Finally, Nakhoda Muda had to reluctantly accept what the Sultan bestowed. He expressed his wariness about the title and his feelings of hopelessness. In Semangka, he was seen as an outsider (*orang dagang*).

The story of Nakhoda Muda was the story of trust. He was later disillusioned with the Sultan and the Dutch. He and his family were arrested on unfounded accusations of trading with the English. His family was tricked on board a Dutch naval vessel and thereafter arrested. They suffered cruelties. Later they escaped and killed the Dutch soldiers. They later left with 400 followers to seek protection from the British in Bengkulu.

From the biography we get a glimpse of the nature of pepper trading in Lampong. The Malay traders could buy the pepper for seven reals a bara. They then sold it to the Sultan for 12 reals and the Sultan in turn sold it to the Dutch for 20 reals. The Sultan would buy whatever quantity of pepper brought to Banten. The traders were not allowed to sell it directly to the Company. The sentence for such an offence was death.


The Dutch company found it convenient to deal only with the Sultan; hence making the Sultan the biggest intermediary trader in the state. It was argued that the complicity of local rulers with the colonialists had brought about the disappearance of the native trading class.

The value of the *Hikayat Nakhoda Muda* is not only in the literary strategy by author La'uddin. It was also on the manifestation of a modern, rational and cosmopolitan mind of a Malay family in the 1700s – a jewel in modern Malay writing. National recognition only came in 2018 when *Hikayat Nakhoda Muda* was finally published in Malaysia by Yayasan Karyawan.

NEXT WEEK:

Utusan Melayu: The Radical Malay Newspaper

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IUUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



HIKAYAT Nakhoda Muda among the earliest Malay biography ever written.

Salam
Ramadan
Al-Mubarak
1443H/2022M



Tulus Ikhlas Daripada



**AHLI LEMBAGA PENGARAH,
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
dan
Seluruh Warga Kerja ZAKAT MELAKA**

Talian Zakat:

1-300-88-0233



Zakat Melaka



zakat.melaka

www.izakat.com

Melaka miliki stesen jana kuasa terbesar Asia Tenggara

Faiz Hasan

KUALA LINGGI - Stesen Jana Kuasa EDRA di Pengkalan Balak di sini, dibina membekalkan 2,242 megawatt (MW) sekali gus merupakan stesen terbesar dalam negara dan rantau Asia Tenggara.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, stesen yang membekalkan tenaga itu mampu memberi manfaat lebih 4 juta kediaman akan dibekalkan dalam tempoh 21 tahun akan datang.

Beliau berkata, pembinaan stesen jana kuasa yang rendah karbon itu memberi impak besar dalam pelaburan negeri yang menerima

RM6.6 bilion pelaburan daripada projek berkenaan.

"Sebanyak 2,242 MW elektrik akan dimasukkan dalam Grid Nasional hasil daripada stesen jana kuasa menggunakan kaedah kitaran gas turbin terbesar di Asia Tenggara.

"Pembinaan ini akan membekalkan satu kapasiti tenaga yang mencukupi dan ia mampu menarik lebih ramai lagi pelabur dalam projek akan datang termasuklah Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) di kawasan ini.

"Pembinaannya telah membuka 2,500 peluang pekerjaan untuk membangunkan stesen ini malah sejak ia dibina bermula Disember

2017 dengan kitaran 15 juta jam merekodkan tiada kemalangan jiwa berlaku dalam pembinaannya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Stesen Jana Kuasa Edra Melaka, di sini, 31 Mac lalu.

Hadir sama, Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Seri Takiyuddin Hassan, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari, EXCO Kanan Pelaburan Datuk Seri Ab Rauf Yusoh dan kenamaan lain.

Sulaiman berkata, pembinaan itu diyakini akan memberi manfaat kepada negeri ini terutamanya di dalam sektor perindustrian.



SULAIMAN (enam dari kiri) bersama kenamaan bergambar di Stesen Jana Kuasa EDRA, Pengkalan Balak. Foto: Mohd Azren Jamaludin

"Seperti sebelum stesen ini dibangunkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) memaklumkan bekalan tenaga yang ada di Melaka mencukupi sehingga 2035 dan boleh datang tetapi saya yakin

apabila ada penambahan stesen ini ia akan lebih mencukupi lebih 20 tahun akan datang.

"Seperti sebelum ini syarikat Texas Instruments ingin beroperasi di negeri ini memerlukan teknologi yang

tinggi dan memerlukan pengoperasian 24 jam jadi apabila kita mempunyai bekalan mencukupi ia sekali gus akan membawa lebih ramai pelabur seperti ini untuk beroperasi di Melaka," katanya.



SALHAH (dua dari kanan) hadir merasmikan Klinik Putra Sdn Bhd dan Pelancaran Digital Fuji X-Ray di Klinik Putra Sdn Bhd, Ayer Keroh. Turut bersama Pengerusi Klinik Putra Sdn Bhd, Datuk Dr Malik Feisal Ayub (kanan). Foto Iqmal Haqim Rosman

Hospital Putra miliki kemudahan X-ray tercanggih

AYER KEROH - Kemudahan X-ray Hospital Putra kini dinaik taraf ke tahap pendigitalan terkini sekali gus menawarkan perkhidmatan perubatan terbaik kepada orang ramai.

Pegawai Kewangan Negeri Melaka, Datuk Salhah Salleh berkata, teknologi yang digunakan itu akan membuka satu era baharu dalam penggunaan teknologi berkualiti tinggi yang pelbagai fungsi.

Beliau berkata, Digital Fuji X-ray yang diperkenalkan itu meng-

gunakan sistem automasi penuh dengan dilengkapi sistem FDR Smart X yang terkini.

"FDR Smart X adalah satu sistem X-ray Fujifilm menawarkan konfigurasi tiub sinar X yang boleh digantung di siling untuk digunakan secara fleksibel.

"Kemudahan ini bukan sahaja memberi faedah kepada warga Melaka tetapi menjadikan mereka sentiasa cakna dalam hal penjagaan kesihatan sekali gus merancakkan sektor ekonomi negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian me wakili Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dalam program pelancaran Mesin Digital Fuji X-Ray dan Perasmian Klinik Putra Sdn Bhd di Ayer Keroh, di sini, 26 Mac lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn Bhd Datuk Wira Radhuana Salleh dan Pengerusi Klinik Putra Sdn Bhd, Datuk Dr Malik Feisal Ayub.

Cipta kelainan berbuka puasa atas kapal

Siti Salehah

BANDA HILIR - Bagi mereka yang ingin kelainan dengan suasana berbuka puasa yang damai dan tenang sambil menyusuri keindahan Sungai Melaka pastinya Iftar@Kapal Mendam Berahi 2022 menjadi pilihan terbaik.

Bukan sahaja dapat merasai suasana nyaman dan romantik malah pelanggan juga dihidangkan dengan hidangan enak dari tiga premis makanan tersohor di Kampung Hulu yang sering menjadi tumpuan khususnya pelancong.

Hidangan utamanya nasi lemak, ikan siakap bakar sambal, ikan siakap tigarasa, udang butter sotong goreng tepung, telur dadar dan kai-

lan ikan masin serta bersama kuih muih tradisional selain turut dihidangkan jus buah-buahan, 'khatira shaved ice', pasti menambat hati dan meninggalkan kenangan buat mereka yang mencubanya sambil menyusuri sungai selama kira-kira satu jam.

Menurut pemilik Arang Cafe Kampung Hulu Hailhesfa Mohd Merry, konsep yang diketengahkan itu berlainan kerana kebiasaan umat Islam akan berbuka puasa di hotel mahupun restoran di darat tetapi kali ini mereka boleh cuba untuk merasai berbuka puasa di atas Kapal Mendam Berahi sambil menikmati hidangan dari premis miliknya, Doplohtiga serta Cendol Kampung Hulu.

Katanya, dengan harga



PELANGGAN menikmati hidangan sambil menyusuri keindahan Sungai Melaka diatas Kapal Mendam Berahi di Kampung Hulu, Banda Hilir. Foto Iqmal Haqim Rosman

RM640 bagi setiap meja untuk lima orang, pelanggan akan dihidangkan dengan menu utama namun mereka juga boleh menempah menu tambahan lain seperti burger, chicken chop, cendol mener-

usi Kod QR ataupun link ckhmelaka.orderla.my/iftar.

"Mereka yang berminat boleh membuat tempahan awal, sehari atau dua hari sebelum memandangkan tempat adalah terhad kerana

setiap hari hanya terbuka kepada 30 orang sahaja selain Kapal Mendam Berahi ini akan bergerak pada jam 6.30 petang menyusuri hingga ke Muara Sungai Melaka.

"Selain dapat merasai

suasana makan dengan menyusuri Sungai Melaka, pelanggan juga akan dihiburkan dengan persembahan 'liveband' di atas kapal sebelum balik semula ke darat kira-kira jam 7.45 malam untuk solat Maghrib di Masjid Kampung Hulu," katanya.

Menurutnya, kelainan yang ditampilkan ini juga adalah hasil kerjasama Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) dalam mengetengahkan produk pelancongan negeri iaitu Kapal Mendam Berahi.

"Mereka yang berminat atau mempunyai pertanyaan juga boleh berhubung terus dengan pihak kami dengan menghubungi talian 017 5908277 (Alip), 012 3961179 (Dima) dan 010 3647213 (Wan)," katanya.



SETTINGGI-TINGGI
Tahniah

DIUCAPKAN KEPADA

TYT TUN SERI SETIA (DR.)
HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., D.U.P.N., S.P.D.K., S.U.M.W., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M

YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA

ATAS
PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT
DOKTOR EKONOMI PEMBANGUNAN
DARI
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



IKHLAS DARIPADA



Ahli Lembaga Pengarah &
Seluruh Warga Kerja Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.



Peniaga 'ali baba' bakal hilang lesen

Siti Salehah

AYER KEROH - Kerajaan negeri tidak akan berkompromi dengan individu atau peniaga bazar Ramadan yang dikesan menyewakan tapak niaga mereka kepada pihak lain demi mengaut keuntungan berlipat kali ganda.

Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, kesemua perniaga perlu mematuhi segala syarat dan lesen yang sudah diberikan apabila mereka diberikan tapak untuk berniaga.

Beliau berkata, walaupun kesemua tapak pasar dan bazar Ramadan dibawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) namun ke-

rajaan negeri memandang serius perkara itu.

"Setakat ini saya tidak menerima laporan (tapak bazar disewakan kepada pihak lain) sekiranya terima laporan atau aduan mereka dapat (tapak) dan sewakan kepada orang lain maka lesen atau apa segala akan ditarik.

"Mereka yang dapat tapak jualan mesti patuhi, kita hendak mereka yang berniaga orang yang benar-benar ingin berniaga dan mencari rezeki pada bulan Ramadan," katanya dalam sidang media 28 Mac lalu.

Menurutnya, pihak penganjur juga perlu memainkan peranan dan mematuhi syarat penganjuran serta caj atau kadar bayaran ditetapkan.



SULAIMAN menyantuni peniaga di Leypark Station Dataran Ayer Keroh ketika merasmikan tapak perniagaan berkenaan, baru-baru ini. Foto: Mohd Azren Jamaludin



GAMBAR hiasan bazar Aidilfitri di Klebang.

Awas 'ulat tiket' bazar Ramadan, Aidilfitri

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) tidak akan mengenakan sebarang caj bagi parkir bazar-bazar Ramadan dan Aidilfitri di bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Datuk Bandar MBMB Datuk Zainal Abu berkata, semua parkir bagi bazar Ramadan di bawah MBMB adalah percuma dan tidak akan dikenakan caj sama sekali.

Katanya, jika didapati ada pihak tidak bertanggungjawab cuba mengenakan caj parkir, pihaknya tidak akan teragak-agak mengambil tindakan.

"Masih sama seperti dulu, saya tak benarkan mereka caj parkir bazar Ramadan. Di bawah MBMB mana-mana kawasan saya tidak benarkan mereka caj parkir.

"Ini kerana rakyat baru sahaja hendak bernafas menuju peralihan ke fasa endemik. Kesusahan rakyat itu sudah masuk dua tahun.

"Jadi saya melarang mana-mana bazar Ramadan dan Aidilfitri daripada mengenakan caj parkir, jika ada yang berbuat demikian, kita akan ambil tindakan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas mengenai penganjuran bazar Aidilfitri mega di Klebang, Zainal memaklumkan pada tahun ini, bazar berkenaan akan dialihkan kembali ke tempat asalnya di lot kedai Klebang Utama dan bukannya di Dataran 1 Malaysia.

Katanya, berbanding tahun lalu, jumlah tapak yang disediakan di bazar berkenaan juga dikurangkan kepada 190 peniaga sahaja bagi mengawal kedatangan pengunjung dan pada masa sama mengurangkan kesesakan teruk di kawasan itu.

Selamat

Menyambut Ramadan

Pada
3 April 2022

Bersamaan
1443 Hijrah

Ikhlas Daripada

MICTH
MELAKA ICT HOLDINGS SDN BHD

Ahli Lembaga Pengarah &
Seluruh Warga Kerja Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.



LEMBARAN BAHARU...Suasana solat Jumaat di Masjid Al-Azim, Bukit Palah dengan penjarakan satu sejadah di antara jemaah bersempena fasa peralihan ke endemik bermula 1 April lalu. Foto: MR Azli



MOLEK RESIDENCE

HAK MILIK KEKAL

20' x 70' Untuk Bumiputera Sahaja

RUMAH TERES 2 TINGKAT



Watch Interior **360°** view >>
<https://molekresidence.weebly.com/>

DIBUKA UNTUK JUALAN

06-337 3333




2.2282773,
102.3281568



Sin Chew Business Excellence Award 2018
Golden Eagle Award Enment Eagle 2018





Pemaju:



PADUWAN REALTY SDN BHD
01423-41



PB REALTY

Satu lagi projek berprestij oleh:

*No. Lesen Pemajuan Perumahan : 12412-9/11-2023/0876(L) • Tempoh Sah : 30/11/2021 hingga 29/11/2023 • No. Permit Iklan & Jualan : 12412-9/11-2023/0876(P) • Tempoh Sah : 30/11/2021 hingga 29/11/2023 • Pihak Yang Meluluskan Pelan : Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya • No Rujukan : MPH/603/08/2019/13 • Tarikh Jangka Siap : Nov. 2023 • Pegangan Tanah : Hak Milik Kekal • Bebanan Tanah : RHB Bank Berhad • Harga Jualan dan Jumlah Unit : RM439,000.00 min. RM710,500.00 maks. (152 unit)

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA



KRUBONG HEIGHTS

HAK MILIK KEKAL

Keharmonian tercipta disini...

Taman Krubong Heights merupakan bandar bersepadu yang terulung. Berlokasi di persekitaran yang strategik dan indah. Hartanah unggul yang berprestij dan selektif ini dapat memenuhi citarasa gaya hidup anda.



Watch Interior **360°** view >>
<https://krubongheights-bumi.weebly.com/>

Untuk Bumiputera Sahaja

20' x 70'

Rumah Teres 2 Tingkat

 4 Bilik Tidur |  3 Bilik Air




Pemaju:



PADUWAN REALTY SDN BHD
01423-41



PB REALTY

*No. Lesen Pemajuan Perumahan : 8187-11/07-2022/0419(L) • Tempoh Sah : 22/07/2020 hingga 21/07/2022 • No. Permit Iklan dan Jualan : 8187-11/07-2022/0419(P) • Tempoh Sah : 22/07/2020 hingga 21/07/2022 • Pihak Yang Meluluskan Pelan : MBMB • No Rujukan : MBMB/JKB.03025/08/2018(10) • Tarikh Jangka Siap : July 2022 • Pegangan Tanah : Hak Milik Kekal • Bebanan Tanah : Hong Leong Bank Berhad • Harga Jualan dan Jumlah Unit : RM412,500.00 min. RM615,000.00 maks. (76 unit)

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

- | | | | | | |
|--|----------------------------|------------------------------|----------------------------|-----------------------------|-------------------------|
| 06. 337 3333 | 012. 601 0486
Vinz Lee | 012. 638 4496
Yen | 012. 698 6255
Kelly Ong | 012. 667 0833
Sara Siow | 012. 618 7922
Zura |
| www.pbrealty.com.my | 012. 661 1682
Tammy Ong | 012- 606 8195
Sylvia Chew | 012. 733 0165
Elynn Un | 012. 606 3165
Edwin Chan | 012. 631 6670
Aqilah |
| | | | | | 017. 692 5087
Aiman |

Pemaju:

PB REALTY SDN BHD 338851-D

No. 1B, Wisma PB Realty, Jalan PK 8,
 Taman Perindustrian Krubong,
 75260 Melaka. Fax: 06.336 5678 www.pbrealty.com.my

Ikan tamban dibuang nelayan, bukan sebab pencemaran

RIBUAN bangkai ikan tamban ditemui di sepanjang Pantai Sungai Tuang, Kuala Linggi, baru-baru ini.

Faiz Hasan

AYER LIMAU - Jumlah tangkapan yang tinggi berikutan musim ikan tamban dipercayai menjadi punca spesies berkenaan dibuang oleh segelintir nelayan.

Isa susulan penemuan ribuan bangkai ikan terdampar di Pantai Sungai Tuang, Kuala Linggi, baru-baru ini.

Pengarah Perikanan Negeri, Mohd Fauzi Salehon berkata, hasil analisa ujian makmal jabatan itu tidak mengesan sebarang unsur pencemaran pada bangkai ikan yang ditemui dan sepanjang pantai

berkenaan.

"Ikan berkenaan bukan mati disebabkan pencemaran. Hasil ujian mendapati ikan ditemui tidak ada tanda serangan penyakit atau mati akibat keracunan.

"Saiz ikan ditemui adalah sama, berdasarkan pemerhatian fizikal mulut ikan berkenaan rosak dan terbuka, ini berkemungkinan akibat tersangkut pada pukat nelayan.

"Selain itu ikan jenis ini tidak ada nilai komersial dipasaran, rasanya tawar jadi dibuang nelayan selepas tersangkut pada pukat mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Program Pelancaran Sukarelawan Perikanan Darat di Pengkalan Nelayan Ramuan China Kechil di sini, 29 Mac lalu.

Mohd Fauzi berkata, bagi mengelakkan lambakan ikan kurang nilai komersial di pasaran pihaknya merangka beberapa perancangan bakal memberi manfaat kepada nelayan.

"Sudah ada perbincangan dengan nelayan, mungkin ikan jenis berkenaan diproses sebagai pekasam atau ikan kering, secara tidak langsung kita dapat keluaran produk baharu," katanya.

'Jangan tuba sungai kami'

Din Ahmad

AYER LIMAU - "Jangan menuba di sungai kami kerana kami mahu ia kekal sebagai tempat pembiakan ikan dan udang galah.

"Kami sanggup mempertahankan sungai kami daripada menjadi mangsa kerakusan manusia dan jika ada sesiapa menuba atau menangkap ikan dan udang dengan cara salah, kami sedia menyalurkan maklumat kepada Jabatan Perikanan," kata Sukarelawan Perikanan Darat, Maulud Idris, 60.

Dia berkata, Sungai Rembau, Sungai Ramuan Cina dan Kuala Linggi, di Lubok Cina dekat sini adalah antara sungai utama nelayan darat mencari rezeki sejak turun-temurun.

Katanya, nelayan tempatan juga sering menasihati kaki pancing yang datang dari luar supaya tidak melakukan perkara berkenaan.

"Kami beritahu mereka supaya memancing atau menjaring dengan betul dan bukannya membuang racun tuba ke dalam sungai semata-mata untuk meraih keuntungan jangka pendek," katanya selepas majlis pelancaran Sukarelawan Perikanan Darat di Pangkalan Nelayan Kampung Ramuan Cina Kecil, 29 Mac lalu.

Seramai 20 nelayan darat daerah Alor Gajah dan 10 dari Jasin dipilih menganggotai sukarelawan berkenaan.

Mereka berfungsi menyalurkan maklumat kepada jabatan berkenaan jika ada pihak tertentu menangkap ikan dengan menggunakan kaedah dilarang.

Sukarelawan, Jalil Hassan, 61, berkata selain menuba, nelayan darat tidak mahu ada pihak tertentu menggunakan bubu naga untuk mendapatkan ikan dan udang galah lebih banyak berbanding menggunakan kaedah konvensional.

"Bubu naga menyebabkan anak ikan dan anak udang galah terperangkap dalam bubu dan akhirnya tiada lagi sumber ikan dan udang galah untuk kami tangkap buat menyara keluarga," katanya.



PROMOSI RAMADAN RAYA (Februari - Mei 2022)

Iklan Serendah

RM100

PAKEJ PROMOSI MEDIA SOSIAL

Single Post (Post & Stories)

terhad kepada 5 gambar posting akan kekal selama 1 bulan dan stories 24 jam tambahan RM10 jika mahu letak di Highlight

RM100

Video Post (Post & Stories)

terhad kepada 2 video untuk 1 post video yang diberikan oleh pelanggan posting akan kekal selama 1 bulan dan stories 24 jam tambahan RM10 jika mahu letak di Highlight

RM150

5 Post (Post & Stories)

terhad kepada 5 gambar & 1 video yang diberikan oleh pelanggan posting akan kekal selama 1 bulan dan stories 24 jam tambahan RM10 jika mahu letak di Highlight

RM300

Video Review (Youtube & Facebook)

ulasan produk gunakan video yang dihasilkan oleh Melaka TV (maksimum 3 minit) 1 artikel ulasan produk akan disiarkan di akhbar dan portal Melaka Hari Ini Info dan foto disediakan oleh pelanggan

RM500



Melaka Hari Ini



018-329 9936



www.melakahariini.my



Melaka TV



Melaka Hari Ini



018-329 9936



www.melakahariini.my



Melaka TV



SETINGGI-TINGGI
Tahniah

DIUCAPKAN KEPADA

TYT TUN SERI SETIA (DR.)
HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., D.U.P.N., S.P.D.K., S.U.M.W., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M

YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA
ATAS
PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT
DOKTOR EKONOMI PEMBANGUNAN
DARI
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



IKHLAS DARIPADA



Mamee-Double Decker (M) Berhad

Lot 1, Air Keroh Industrial Estate, 75450 Melaka, Malaysia. Tel: +606-232 4466/232 4469 Fax: +606-232 9696

www.mamee.com

Polis perlu 'tawan' hati masyarakat - KP Melaka

Liana Sahabudin

AYER KEROH - "Sebagai Ketua Polis Melaka baharu, saya meletakkan motto '*win the heart of the people*' sebagai sokongan kepada pucuk kepimpinan Polis Diraja Malaysia (PDRM)."

Itu prinsip diterapkan Ketua Polis Melaka yang baharu Datuk Zainol Samah.

Zainol secara rasmi menggulus tugas sebagai ketua polis negeri menggantikan Datuk Wira Abdul Majid Ali berkuatkuasa 1 April lalu.

"Saya bawa motto ini di Melaka supaya persepsi negatif terhadap polis itu dapat dikurangkan apabila kita berhadapan dengan masyarakat.

"Pada saya, persepsi ini boleh dinetralkan balik apabila kita memaklumkan semula kepada mereka. Jadi kalau persepsi itu ada, lama-lama ia membentuk kepercayaan, itu yang kita tak mahu.

"Pegawai-pegawai saya dalam penyampaian perkhidmatan mestilah bersifat empati. Empati ini, bagaimana kita nak membantu masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Serah Terima Tugas Jawatan Ketua Polis Me-

laka daripada Timbalan Ketua Polis Melaka, Datuk Razali Abu Samah.

Majlis itu disaksikan Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJJK), Datuk Aidi Ismail di Auditorium Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Melaka, di sini.

Dalam pada itu, beliau turut mengharap sokongan pengamal media untuk membantunya dalam menyampaikan maklumat dan perkhidmatan kepolisan.

"Terima kasih kepada pucuk pimpinan yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menerajui polis kontinjen Melaka.

"Saya harap sokongan rakan-rakan media untuk membantu saya dalam kita laksanakan '*service delivery*' (penyampaian perkhidmatan).

"Rakan-rakan media, '*you are part of* kami untuk menyampaikan maklumat-maklumat tentang polisi ini kepada masyarakat...saya amat alukan," katanya.

Untuk rekod Zainol sebelum ini memegang jawatan Timbalan Pengarah Forensik dan Perancangan Strategik Jabatan Siasatan Jenayah, selain pernah berkhidmat di Melaka pada tahun 2003 sehingga 2005 sebagai Timbalan Ketua Siasatan Jenayah.



PENGARAH Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, Datuk Aidi Ismail (tengah) menyaksikan Razali (kiri) menyerahkan tongkat sebagai simbolik serah tugas kepada Ketua Polis Melaka yang baharu, Datuk Zainol Samah (kanan) sempena Majlis Serah Tugas Ketua Polis Melaka di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

Selamat Menyambut
RAMADAN AL-MUBARAK
 رمضان المبارک
 1443H / 2022M

Ikhtis Daripada
 Datuk Bandar, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan
 Seluruh Warga Kerja Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

SETTINGGI-TINGGI
Tahniah

— DIUCAPKAN KEPADA —

**TYT TUN SERI SETIA (DR.)
HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM**

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., D.U.P.N., S.P.D.K., S.U.M.W., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M

YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA

ATAS
PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT
DOKTOR EKONOMI PEMBANGUNAN
DARI
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



Setulus Nkhlas Daripada



Datuk Bandar, Ahli-Ahli Majlis,
Ketua-Ketua Jabatan dan Seluruh Warga Kerja
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah



Sukan

MELAKA HARI INI



Lulus ujian pertama

PEMAIN Melaka United, Emmanuel Oti (dua dari kanan) meraikan jaringan gol dalam aksi pusingan pertama Piala FA menentang PIB FC di Stadium Hang Jebat. Foto: MR. Azli

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KELAB Bolasepak Melaka United (Melaka United FC) menepati ramalan melepasi pusingan pertama Piala FA musim 2022 selepas menewaskan PIB FC 4-0, 31 Mac lalu.

Dalam aksi di Stadium Hang Jebat itu, skuad kendalian Risto Vidakovic berjaya di depan seawal minit ke-11 menerusi jaringan Emmanuel Oti pada minit ke-11, sekaligus menjadi jaringan pertama penyerang import kelahiran Ghana itu bersama skuad Hang Tuah.

Meskipun mendominasi perlawanan, keputusan separuh masa pertama hanya berkesudahan satu gol tanpa balas memihak tuan rumah.

Bersambung di babak kedua, pasukan tuan rumah seolah-olah mengganas apabila berjaya menyumbat masuk tiga lagi gol ke gawang kelab yang beraksi di Liga M3 itu.

Adriano Narcizo menambah jaringan kedua menerusi sepakan penalti pada minit ke-56.

Selepas itu, penyerang berpengalaman, Nor Shahrul Idlan Talaha atau lebih dikenali sebagai Mat Yo menyumbat masuk dua lagi gol pada minit ke-60 dan 76 untuk melengkapkan malam gemilang Melaka United.

Kemenangan selesai itu melayakkan Melaka United meneruskan perjuangan di pusingan kedua Piala FA 2022.

Sementara itu, Vidakovic dalam sidang media selepas perlawanan masih meluahkan rasa kecewa dengan persembahan ditampikan anak buahnya meskipun memenangi perlawanan dengan empat jaringan.

Katanya, pemain boleh menampilkan aksi lebih baik dan masih banyak lagi kelemahan perlu diperbaiki.

"Ia bukan seperti apa yang telah kita rancang dalam perlawanan ini, kita banyak kehilangan bola dan tidak bermain seperti yang diinginkan.

"Sebagai alasan, mungkin disebabkan COVID-19 dan tiada latihan selama tujuh hari membuatkan kita terlalu letih dan seperti tidak bersedia.

"Jadi, saya harap kami dapat bangkit semula untuk beraksi lebih baik dan memperbaiki segala kelemahan untuk aksi Liga Super nanti," katanya.

SUKMA: Melaka hantar kontinjen ragbi wanita

Fiqa Jamal

KLEBANG - Buat julung kalinya Melaka akan menghantar pasukan ragbi wanita pada Sukan Malaysia (SUKMA) 2022 yang bakal diadakan di Kuala Lumpur dari 29 Sept hingga

8 Okt depan.

Presiden Ragbi Melaka, Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer berkata pasukan ragbi wanita itu kini sedang giat menjalani latihan 'klinik ragbi' setiap minggu sebagai persiapan.

Katanya, meskipun pasukan baharu dibentuk pada awal tahun lalu, namun ia tidak mematahkan semangat kesemua 30 atlet ragbi wanita itu.

"Tahun ini baharu diwujudkan pembangunan Ragbi wanita dan kita berjaya membentuk pasukan di mana Melaka akan menghantar pasukan wanita buat julung kali ke SUKMA tahun ini.

"Meskipun baharu, tapi kita yakin dengan ruang masa yang berbaki empat bulan, kita akan persiapkan atlet ragbi wanita menghadapi temasya SUKMA ke-20 ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Perlawanan Akhir Kejohanan Liga Ragbi Melaka di Padang Klebang, di sini, 26 Mac lalu.

Mengulas lanjut, beliau berkata bakat-bakat atlet untuk membentuk pasukan ragbi itu dikenal pasti bermula daripada sekolah dan menerusi pencarian pemain wanita sekitar tahun lalu.

"Pemain-pemain ragbi ini kita kenal pasti bakat dan kebolehan mereka ini daripada zaman sekolah dan kita 'open' (buka) penyertaan, selepas itu kita kumpulkan mereka untuk menyertai klinik ragbi.

"Klinik ragbi wanita diadakan setiap minggu di beberapa lokasi dalam negeri untuk latihan menjelang SUKMA kelak," katanya.



ANTARA aksi yang dipamerkan pemain ragbi wanita dalam Kejohanan Liga Ragbi Melaka di Padang Klebang pada 26 Mac lalu.